



INISIATIF MOBILITI STAF 2025: AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN

Ke arah melahirkan warga UMPSA yang berdaya saing, berpandangan global dan bersedia memacu kecemerlangan universiti di pentas nasional dan antarabangsa.

KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
-----------	------------

Prakata Naib Canselor	1
Latar Belakang Program Mobiliti Staf Tahun 2025	2 - 6
Objektif Pelaksanaan Program Mobiliti Staf Tahun 2025	7 - 8
Senarai Nama Peserta Program Mobiliti Staf Tahun 2025	9 - 12
Amalan Terbaik dan Pelan Tindakan Program Mobiliti Staf	13 - 134
Cadangan Penambahbaikan Program Pembangunan Bakat UMPSA	135 - 145
Berita/Rencana Program Mobiliti Staf Tahun 2025	146 - 148
Rangkuman Sesi Taklimat dan Majlis Ramah Mesra Program Mobiliti Staf Tahun 2025	149 - 157
Rangkuman Gambar Program Mobiliti Staf Tahun 2025	158 - 184
Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih	185 - 187

PRAKATA NAIB CANSOLOR



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, e-Buku Inisiatif Mobiliti Staf 2025: Amalan Terbaik dan Pelan Tindakan ini berjaya diterbitkan. Penerbitan ini merupakan dokumentasi bernilai yang merakamkan komitmen dan kesungguhan warga UMPSA dalam usaha memperkasa pembangunan bakat secara holistik dan strategik.

Inisiatif Mobiliti Staf Tahun 2025 ini dirangka sejajar dengan amanat yang telah saya sampaikan dan selari dengan hala tuju universiti yang menekankan lima (5) Agenda Transformasi utama. Di bawah Agenda Transformasi Pertama dengan Anjakan Pertama, iaitu *Memperkukuh dan Memajukan Potensi Individu*, agenda ini meletakkan pembangunan sumber manusia sebagai teras kecemerlangan universiti, merangkumi staf akademik dan bukan akademik melalui peningkatan kompetensi profesional, pengukuhan kepimpinan, pemerkasaan kesejahteraan serta pembudayaan kerja berprestasi tinggi.

Sehubungan dengan aspirasi tersebut, universiti dengan penuh komitmen telah memperuntukkan RM1 juta bagi menjayakan inisiatif mobiliti ini. Peruntukan ini melambangkan pelaburan strategik universiti dalam memberikan pengalaman dan pendedahan bertaraf global serta industri kepada staf. Usaha bersepadu ini dilaksanakan secara kolaboratif oleh Pusat Pembangunan Bakat (CTD), Jabatan Pendaftar dan Pusat Jaringan Global UMPSA.

Saya dengan penuh keyakinan bahawa program mobiliti ini boleh menjadi pemangkin kepada pembentukan warga UMPSA yang bukan sahaja berdaya saing dan berpandangan global, malah mampu menyumbang secara signifikan dalam memperkukuhkan jaringan antarabangsa, kecemerlangan akademik, penyelidikan, inovasi serta kecekapan perkhidmatan sokongan. Dokumentasi ini, yang menghimpunkan amalan terbaik dan pelan tindakan, adalah buah tangan dan perkongsian ilmu daripada warga universiti hasil pengalaman dan pendedahan dilalui yang bertujuan untuk mengembalikan semula manfaat dan nilai tambah kepada universiti.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan universiti, Jabatan Pendaftar, Pusat Pembangunan Bakat (CTD), Pusat Jaringan Global, fakulti, pusat-pusat tanggungjawab serta semua rakan strategik di dalam dan luar negara yang telah berganding bahu menjayakan inisiatif ini.

Sekalung syabas dan tahniah juga ditujukan kepada semua peserta Mobiliti Staf Tahun 2025 atas dedikasi, komitmen dan profesionalisme yang ditunjukkan sepanjang program berlangsung.

Profesor Ts. Dr. Yatimah binti Alias

Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

1. LATAR BELAKANG

PROGRAM MOBILITI STAF

TAHUN 2025



LATAR BELAKANG

PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI STAF


TAHUN 2025

1. Amanat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bagi tahun 2025 yang telah disampaikan pada 14 April 2025 menggariskan hala tuju dan keutamaan universiti dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta memperkukuh asas kecemerlangan yang berterusan.
2. Amanat tersebut telah menetapkan **lima (5) Agenda Transformasi utama** yang menjadi kerangka hala tuju universiti ke arah pencapaian kecemerlangan yang lestari, mampan dan berimpak tinggi. Agenda ini berfungsi sebagai panduan utama dalam merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan intervensi berpaksikan kepada 10 Agenda Transformasi Pendidikan Tinggi dan 7 Fokus Utama Kementerian Pendidikan Tinggi bagi tahun 2025 serta menyokong agenda pelaksanaan Pelan Strategik UMPSA 2021–2025. Lima (5) Agenda Transformasi tersebut adalah seperti berikut:
 - I. Memperkukuh dan memajukan potensi individu;
 - II. Menawarkan program akademik yang kompetitif;
 - III. Melestarikan kewangan: Pengoptimuman hasil dan penjimatan kos;
 - IV. Memperkukuh penyelidikan, industri dan masyarakat dan
 - V. Membangun ekosistem kampus.
3. **Anjakan Pertama: Memperkukuh dan Memajukan Potensi Individu** telah dikenalpasti sebagai asas paling utama kepada keseluruhan agenda transformasi UMPSA bagi tahun 2025. Fokus utama anjakan ini adalah kepada pembangunan sumber manusia secara menyeluruh, merangkumi staf akademik dan bukan akademik dengan memberi penekanan terhadap aspek kompetensi profesional, kepimpinan berwibawa, kebajikan holistik dan kesejahteraan berterusan.
4. Bagi menjayakan agenda ini, UMPSA telah menunjukkan komitmen yang tinggi dengan memperuntukkan sumber kewangan sebanyak RM500,000.00 bagi Geran Latihan Pensyarah (Upskilling) yang disasarkan kepada pembangunan dan peningkatan kompetensi staf akademik. Di samping itu, sebanyak RM500,000.00 turut diperuntukkan bagi pelaksanaan program sangkutan staf bukan akademik yang bertujuan memperkukuh kecekapan perkhidmatan sokongan serta memperluas pendedahan profesional staf ke persekitaran luar.
5. Pelaburan strategik ini diyakini akan memberi pulangan jangka panjang kepada universiti melalui pembinaan budaya kerja yang berprestasi tinggi, inovatif, kolaboratif dan beretika selaras dengan visi UMPSA sebagai sebuah Universiti Teknologi Terunggul.

LATAR BELAKANG

PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI STAF TAHUN 2025

- Amanat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) 2025 yang disampaikan pada 14 April 2025 menggariskan hala tuju dan keutamaan universiti dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta memperkukuh asas kecemerlangan yang berterusan.
- Amanat tersebut telah menetapkan **Lima (5) Agenda Transformasi (AT)** yang menjadi kerangka hala tuju universiti ke arah pencapaian kecemerlangan yang lestari, mampan dan berimpak tinggi.



5 AGENDA TRANSFORMASI (AT)

AT 1

MEMPERKUKUH DAN
MEMAJUKAN POTENSI
INDIVIDU

AT 2

MENAWARKAN
PROGRAM AKADEMIK
YANG KOMPETITIF

AT 3

MELESTARIKAN
KEWANGAN:
PENGOPTIMUMAN
HASIL DAN
PENJIMATAN KOS

AT 4

MEMPERKUKUH
PENYELIDIKAN,
INDUSTRI DAN
MASYARAKAT

AT 5

MEMBANGUN
EKOSISTEM KAMPUS

ANJAKAN PERTAMA:

MEMPERKUKUH DAN
MEMAJUKAN
POTENSI INDIVIDU
(Staf akademik, staf
bukan akademik,
pelajar dan alumni)

LATAR BELAKANG

PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI STAF TAHUN 2025



□ Bagi menjayakan agenda ini, UMPSA telah menunjukkan komitmen yang sangat tinggi dengan memperuntukkan sebanyak RM1,000,000.00:

- RM500,000.00 bagi Geran Latihan Pensyarah (*Upskilling*) yang disasarkan kepada pembangunan dan peningkatan kompetensi staf akademik.
- Manakala, sebanyak RM500,000.00 turut diperuntukkan bagi pelaksanaan program sangkutan staf bukan akademik bertujuan memperkukuh kecekapan perkhidmatan sokongan serta memperluas pendedahan profesional staf ke persekitaran luar.

LATAR BELAKANG PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI STAF TAHUN 2025

- Pelbagai inisiatif telah dirangka oleh Pusat Pembangunan Bakat atau Center for Talent Development (CTD), Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Pusat Jaringan Global UMPSA bagi merealisasikan agenda ini.
- Usaha ini bertujuan memberi peluang kepada staf untuk menyertai program sabatikal, program sangkutan serta program pembangunan kompetensi yang berfokuskan kepada *reskilling* dan *upskilling*, sama ada di institusi pendidikan tinggi mahupun organisasi industri yang relevan, dalam dan luar negara.
- Inisiatif ini bukan sahaja berperanan memperkukuh kecekapan dan kemahiran individu, malah dijangka menyumbang nilai tambah yang signifikan kepada jabatan dan universiti secara keseluruhan.

Pelawaan Menyertai
SANGKUTAN PROFESIONAL
SANGKUTAN 2025
INDUSTRI

TARIKH PERMOHONAN
13 Jun sehingga 27 Jun 2025

RUJUKAN GARIS PANDUAN
edasar@umpsa.edu.my

TERBUKA KEPADA STAF AKADEMIK (WARGANEGARA) (DALAM NEGARA)

Pelawaan Menyertai
CUTI
SABATIKAL 2025

TARIKH PERMOHONAN
13 Jun sehingga 27 Jun 2025

TEMPAT
Singapore - National University of Singapore
Jepun - Kyoto University

RUJUKAN GARIS PANDUAN
edasar@umpsa.edu.my

TERBUKA KEPADA STAF AKADEMIK (WARGANEGARA) (LUAR NEGARA)

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pengembangan Profesional, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar melalui emel rasmi: studyleave.fellowship@umpsa.edu.my

Engineering • Technology • Creativity

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pengembangan Profesional, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar melalui emel rasmi: studyleave.fellowship@umpsa.edu.my

Engineering • Technology • Creativity

Pelawaan Menyertai
SANGKUTAN KERJA
PENINGKATAN KOMPETENSI 2025

TARIKH PERMOHONAN
13 Jun 2025 sehingga 27 Jun 2025

TEMPAT
5 hari
United Kingdom - Cranfield University
UAE - Mohamed Bin Zayed University for Humanities
Japan - Shinbaura Institute of Technology
Korea - Hanyang University (ERICA Campus)
Turkiye - Middle East Technical University

TEMPAT
10 hari
Jerman - RWTH Aachen University
China - Tsinghua University
China - Beijing Jiaotong University
Jepun - Kyoto University

RUJUKAN GARIS PANDUAN
edasar@umpsa.edu.my

BERSASAR KEPADA KOLAM BAKAT ATAU STAF BERPOTENSI DALAM KALANGAN STAF AKADEMIK (LUAR NEGARA)

Jom Mohon!
PROGRAM LATIHAN
PEMBANGUNAN KOMPETENSI
(Keutamaan kepada kursus yang menawarkan sekurang-kurangnya sijil kompetensi)

TARIKH PERMOHONAN
13 Jun sehingga 27 Jun 2025

PAUTAN BORANG PERMOHONAN
<https://shorturl.at/c55uZ>

TERBUKA KEPADA STAF AKADEMIK

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pelan Penggantian & Kepimpinan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar melalui emel rasmi: hra@umpsa.edu.my

Engineering • Technology • Creativity

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pengurusan Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar melalui emel rasmi: hra@umpsa.edu.my

Engineering • Technology • Creativity

A stylized illustration of a globe with a winding path of people walking across it, symbolizing global connectivity and progress. The globe is shown in a light blue and white color scheme. A dark blue path winds around the globe, with several silhouettes of people walking along it. The path starts from the bottom left, goes around the globe, and ends at the top right. Various icons are scattered around the globe, including a compass, a rocket, a shopping cart, a book, a magnifying glass, a plus sign, a minus sign, a lightbulb, a gear, a bar chart, a pie chart, a line graph, a network diagram, a cloud, a sun, a moon, a star, a heart, a flower, a leaf, a tree, a house, a car, a boat, a plane, a train, a bus, a truck, a ship, a submarine, a satellite, a space station, a rocket, a missile, a bomb, a gun, a sword, a shield, a flag, a banner, a scroll, a document, a folder, a box, a package, a suitcase, a bag, a backpack, a briefcase, a toolbox, a wrench, a screwdriver, a hammer, a saw, a drill, a saw, a drill, a hammer, a wrench, a screwdriver, a toolbox, a bag, a backpack, a briefcase, a suitcase, a package, a box, a folder, a document, a scroll, a banner, a flag, a shield, a sword, a gun, a bomb, a missile, a rocket, a space station, a satellite, a ship, a bus, a train, a car, a house, a tree, a leaf, a flower, a heart, a plus sign, a minus sign, a lightbulb, a gear, a magnifying glass, a book, a shopping cart, a rocket, a compass. The background is a light blue sky with white clouds. The overall style is modern and illustrative.

OBJEKTIF

PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI STAF TAHUN 2025

OBJEKTIF

1

Memberi pendedahan kepada staf terhadap persekitaran kerja, budaya organisasi dan amalan terbaik institusi lain di peringkat nasional dan antarabangsa.

2

Menjadi platform pertukaran ilmu, pengalaman dan kepakaran profesional antara UMPSA dan institusi rakan strategik.

3

Menyumbang kepada peningkatan kemahiran, keyakinan serta keupayaan kepimpinan staf melalui pengalaman pembelajaran dan pendedahan profesional.

4

Mengukuhkan jaringan profesional serta membuka peluang kolaborasi strategik jangka panjang di peringkat nasional dan antarabangsa.

5

Membolehkan penyesuaian dan pelaksanaan amalan terbaik yang dipelajari daripada institusi rakan bagi meningkatkan kecekapan operasi, kualiti perkhidmatan dan tadbir urus universiti.

3. SENARAI NAMA PESERTA PROGRAM MOBILITI STAF TAHUN 2025



SENARAI NAMA

MENGIKUTI PROGRAM MOBILITI TAHUN 2025 (STAF AKADEMIK)

Bil	NAMA	PTJ	KATEGORI (MOBILITI /LATIHAN)	TARIKH	TEMPAT
1.	PROFESOR MADYA TS. DR. MOHAMAD HEERWAN BIN PEEIE	FTKMA	Sangkutan Profesional	01 Ogos 2025 hingga 31 Julai 2026 (12 bulan)	Move Robotic Sdn Bhd, Cyberjaya, Selangor
2.	PROFESOR MADYA DR. AHMAD SHAHIR BIN JAMALUDIN	FTKPM	Sangkutan Profesional	01 November 2025 hingga 30 Oktober 2026 (12 bulan)	Isuzu Hicom Malaysia Sdn Bhd, Pekan, Pahang
3.	DR. NUR AMINATULMIMI BT ISMAIL	FTKKP	Sangkutan Profesional	01 Disember 2025 hingga 31 Mei 2026 (6 bulan)	Infineon Technologies (Kulim) Sdn Bhd, Kulim, Kedah
4.	PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD MAWARDI BIN SAARI	FTKEE	Sangkutan Profesional	01 Disember 2025 hingga 30 November 2026 (12 bulan)	Vacuumschmelze (M) Sdn Bhd, Pekan, Pahang
5.	PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD ASHRAF BIN AHMAD	FTKEE	Sangkutan Profesional	01 Disember 2025 hingga 30 November 2026 (12 bulan)	Vacuumschmelze (M) Sdn Bhd, Pekan, Pahang
6.	DR. MOHD SHAIFUL ZAIDI BIN MAT DESA	FTKKP	Sangkutan Profesional	01 Disember 2025 hingga 30 November 2026 (12 bulan)	Wonderful Ebeam Cable Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor
7.	IR. TS. DR. NOOR MAZNI BINTI ISMAIL	FTKPM	Cuti Sabatikal	01 Disember 2025 hingga 30 April 2026 (5 bulan)	National University Of Singapore, Singapore
8.	PROFESOR MADYA IR. DR. SYED MOHD SAUFI BIN TUAN CHIK	FTKKP	Sangkutan Kerja	06 hingga 14 Ogos 2025 (9 hari)	Airlangga Universitas, Indonesia
9.	PROFESOR MADYA DR. WAN MOHD HAFIZUDDIN BIN WAN YUSSOF	FTKKP	Sangkutan Kerja	06 hingga 14 Ogos 2025 (9 hari)	Airlangga Universitas, Indonesia
10.	DR. UMI KALSOM BINTI MASROM	PBM	Sangkutan Kerja	29 September 2025 hingga 03 Oktober 2025 (5 hari)	National University of Singapore, Singapore

SENARAI NAMA

MENGIKUTI PROGRAM MOBILITI TAHUN 2025 (STAF AKADEMIK)

Bil	NAMA	PTJ	KATEGORI (MOBILITI /LATIHAN)	TARIKH	TEMPAT
11.	DR. HANAFIAH BIN AHMAD	FPI	Sangkutan Kerja	27 hingga 31 Oktober 2025 (5 hari)	Manchester Metropolitan University, United Kingdom
12.	PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD FAIZAL BIN AB RAZAK	FK	Sangkutan Kerja	27-28 Oktober 2025 (2 hari) 29-31 Oktober 2025 (3 hari)	Kansai & MIE University, Japan
13.	PROFESOR MADYA TS. DR. ROHAYU BT JUSOH	FTKKP	Sangkutan Kerja	27-28 Oktober 2025 (2 hari) 29-31 Oktober 2025 (3 hari)	Kansai & MIE University, Japan
14.	TS. DR. AHMAD FIRDAUS BIN ZAINAL ABIDIN	FK	Sangkutan Kerja	17 hingga 21 November 2025 (5 hari)	Chonnam National University, Korea Selatan
15.	TS. DR. NURRINA BINTI ROSLI	FTKPM	Sangkutan Kerja	17 hingga 21 November 2025 (5 hari)	Chonnam National University, Korea Selatan
16.	PROFESOR MADYA DR. AIZI NOR MAZILA BINTI RAMLI	FSTI	Sangkutan Kerja	17 hingga 21 November 2025 (5 hari)	Istanbul Technical University, Turkeye
17.	DR. ZETTY AIN BINTI KAMARUZZAMAN	FPI	Sangkutan Kerja	17 hingga 21 November 2025 (5 hari)	Istanbul Technical University, Turkeye
18.	PROFESOR MADYA DR. MOHD ANWAR BIN ZAWAWI	FTKEE	Sangkutan Kerja	24 November 2025 hingga 05 Disember 2025 (12 hari)	Tianjin University, China
19.	PROFESOR MADYA DR. ABU ZAHARIN BIN AHMAD	FTKEE	Sangkutan Kerja	01 hingga 05 Disember 2025 (5 hari)	Harbin Institute of Technology, China
20.	PROFESOR MADYA TS. DR. NORYANTI BINTI MUHAMMAD	PSM	Sangkutan Kerja	01 hingga 05 Disember 2025 (5 hari)	Harbin Institute of Technology, China
21.	PROFESOR TS. DR. SUMAIYA BINTI ZAINAL ABIDIN	FTKKP	Sangkutan Kerja	01 hingga 05 Disember 2025 (5 hari)	Imperial College London, United Kingdom
22.	DR. TAY CHAI JIAN	PSM	Sangkutan Kerja	24 Julai 2025 hingga 11 Ogos 2025 (19 hari)	Hebei University, China

SENARAI NAMA

MENGIKUTI PROGRAM MOBILITI TAHUN 2025 (STAF PENTADBIRAN)

Bil	NAMA	PTJ	KATEGORI (MOBILITI /LATIHAN)	TARIKH	TEMPAT
1.	EN. MOHD RAIZALHILMY BIN MOHD RAIS	Akademi Adab, JHEPA	Sangkutan Kerja	17 hingga 26 September 2025 (10 hari)	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UTM Skudai, Johor
2.	PN. IDAYU BINTI MAT ALI	JPI	Sangkutan Kerja	22 hingga 26 September 2025 (5 hari)	Ming Chi University of Technology, Taiwan
3.	PN. FAZLINA BINTI IBARHIM	Hub Inovasi	Sangkutan Kerja	22 hingga 26 September 2025 (5 hari)	Ming Chi University of Technology, Taiwan
4.	EN. WAN MUSLIMIN BIN WAN NAWANG	Jabatan Pendaftar	Sangkutan Kerja	20 hingga 31 Oktober 2025 (12 hari)	Universitas Indonesia, Indonesia
5.	EN. MOHD KHAIRULNAZRI BIN SAIDI	Akademi Adab, JHEPA	Sangkutan Kerja	20 hingga 31 Oktober 2025 (12 hari)	Universitas Indonesia, Indonesia
6.	TS. MOHD RASHID BIN ABU BAKAR	DiTEC	Sangkutan Kerja	27 hingga 31 Oktober 2025 (5 hari)	Manchester Metropolitan University, United Kingdom
7.	IR. MOHD AZREEN BIN YAACOB	PPPH	Sangkutan Kerja	27 hingga 31 Oktober 2025 (5 hari)	Manchester Metropolitan University, United Kingdom
8.	IR. TS. AIDEELNORFAHMEE B MOHAMAD	PPPH	Sangkutan Kerja	03 hingga 12 November 2025 (10 hari)	Ranhill SAJ Sdn Bhd, Johor

4. AMALAN TERBAIK DAN PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF TAHUN 2025



AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ir. Dr. Syed Mohd Saufi bin Tuan Chik
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Universitas Airlangga, Indonesia
Tempoh Kelulusan	6 hingga 14 Ogos 2025



AMALAN TERBAIK 1	
Nama Amalan terbaik	Pembelajaran Bersepadu: Akademik + Komuniti + Budaya
Perincian Amalan terbaik	Menggabungkan kuliah akademik, aktiviti makmal, pembangunan komuniti dan lawatan budaya dalam satu program untuk pengalaman holistik.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	▪ Menggabungkan kursus akademik, latihan makmal, serta program khidmat masyarakat di sekitar Pahang (contoh: komuniti luar bandar, FELDA, industri tempatan). ▪ Menambah elemen lawatan industri/komuniti tempatan sebagai sebahagian modul rasmi.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Meningkatkan keupayaan staf & pelajar menghubungkan teori dengan aplikasi sebenar. ▪ Memupuk kepekaan sosial & budaya dalam menyelesaikan masalah komuniti tempatan. ▪ Mengangkat imej UMPSA sebagai universiti yang dekat dengan masyarakat.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Program Pembelajaran Bersepadu UMPSA (Akademik + Komuniti + Industri Tempatan)
Objektif	Memberi pengalaman holistik kepada pelajar & staf melalui gabungan akademik, komuniti, dan budaya tempatan
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Merangka modul pembelajaran bersepadu ▪ Melaksanakan projek komuniti di FELDA/luar bandar ▪ Lawatan industri dan tapak komuniti
Tempoh	6 – 12 bulan (jangka pendek)
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ 1 - 2 modul bersepadu diperkenalkan setiap tahun ▪ ≥ 50 peserta staf/pelajar menyertai
Sumber diperlukan	Dana khas universiti, fasilitator komuniti, sokongan logistik & pengangkutan
Risiko & Mitigasi	Risiko: Kurang penyertaan komuniti & kos program Mitigasi: Jalin kerjasama awal dengan pemimpin komuniti/industri tempatan
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Fakulti, Pusat Jaringan Industri & Komuniti (ICoN)

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ir. Dr. Syed Mohd Saufi bin Tuan Chik
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Universitas Airlangga, Indonesia
Tempoh Kelulusan	6 hingga 14 Ogos 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Kolaborasi Antarabangsa & Jaringan Strategik
Perincian Amalan terbaik	Menghubungkan staf dan pelajar dengan universiti/industri antarabangsa untuk kolaborasi, pertukaran ilmu dan projek bersama.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	- Memperkuh MoU/LoA sedia ada dengan universiti rakan khusus untuk pembangunan bakat staf & pelajar. - Mewujudkan program <i>"Joint Talent Development"</i> bersama universiti luar negara dan industri.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	- Meningkatkan reputasi UMPSA di peringkat global. - Memberi peluang staf & pelajar mengembangkan jaringan akademik & profesional antarabangsa. - Membuka peluang penyelidikan bersama, penerbitan & program mobiliti jangka panjang.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Kolaborasi Antarabangsa & Jaringan Strategik
Objektif	Membina jaringan strategik & meningkatkan reputasi UMPSA di peringkat global
Langkah Tindakan/Aktiviti	- Memeterai MoU/LoA khusus pembangunan bakat. - Menjalankan pertukaran staf & pelajar. - Projek bersama selaras SDGs.
Tempoh	1 – 3 tahun (jangka panjang)
Matlamat KPI (Sasaran)	≥ 5 staf/pelajar dihantar setiap tahun ≥ 2 projek penyelidikan/komuniti antarabangsa dimulakan
Sumber diperlukan	Dana mobiliti antarabangsa, sokongan universiti rakan, geran penyelidikan.
Risiko & Mitigasi	Risiko: Keterbatasan dana & komitmen rakan luar Mitigasi: Cari dana luar
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pejabat Antarabangsa UMPSA, Fakulti terlibat, Bahagian Penyelidikan

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Wan Mohd Hafizuddin Bin Wan Yussof
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Universitas Airlangga, Indonesia
Tempoh Kelulusan	6 hingga 14 Ogos 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Integrasi Pembelajaran Berasaskan Komuniti (<i>Community-Based Learning</i>)
Perincian Amalan terbaik	Menggabungkan aktiviti akademik dengan khidmat masyarakat, seperti projek tenaga solar dan pertanian lestari di Pulau Gili Iyang dan perkampungan Sumanep, Madura bagi membolehkan peserta menerapkan teori kepada situasi sebenar.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh mewujudkan modul pembelajaran servis- komuniti (<i>Service Learning</i>) sebagai sebahagian penilaian akademik yang berfokus kepada komuniti luar bandar di Pekan, Rompin, atau Jerantut.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pendekatan ini mengukuhkan nilai empati, tanggungjawab sosial, dan kesedaran terhadap pembangunan mampan.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>Smart Sustainable Community @ Pekan/Gambang: Inovasi Hijau untuk Komuniti Luar Bandar</i>
Objektif	Membantu komuniti luar bandar memahami serta mengaplikasikan teknologi hijau seperti tenaga solar, penjimatan air dan pengurusan sisa.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Pelaksanaan projek kecil seperti pemasangan sistem solar mini, penapis air mudah alih atau sistem hidroponik komuniti.
Tempoh	3 hingga 6 bulan (satu semester akademik) bagi perlaksanaan aktiviti komuniti melibatkan pelbagai fakulti dalam UMPSA.
Matlamat KPI (Sasaran)	Peningkatan kesedaran lestari. $\geq 70\%$ peserta komuniti menunjukkan peningkatan tahap kesedaran tenaga hijau (berdasarkan soal selidik).
Sumber diperlukan	Geran dalaman Yayasan UMPSA atau CSR sumbangan industri tempatan atau dana komuniti Madani.
Risiko & Mitigasi	Kurang penyertaan komuniti: Mesti libatkan ketua kampung & wakil masyarakat sejak awal bagi memastikan sokongan tempatan.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pusat Pembangunan dan Jaringan Industri & Masyarakat, UMPSA.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Wan Mohd Hafizuddin Bin Wan Yussof
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Universitas Airlangga, Indonesia
Tempoh Kelulusan	6 hingga 14 Ogos 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Pendekatan Interdisiplin dalam Penerapan Teknologi Hijau.
Perincian Amalan terbaik	Program menonjolkan bagaimana sains dan teknologi, kejuruteraan dan sains sosial boleh digabung untuk menyelesaikan isu tenaga dan alam sekitar.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Membangunkan “ <i>Green Technology Living Lab</i> ” di kampus Gambang atau Pekan yang membolehkan pelajar pelbagai bidang bekerjasama dalam penyelesaian tenaga lestari, rawatan air dan kitar semula sisa berasaskan projek (PBL) yang menggabungkan aspek teknikal, pengurusan dan kesedaran alam sekitar.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Amalan ini sesuai diterapkan dalam kurikulum UMPSA bagi memperkukuh kemahiran penyelesaian masalah secara kritis dan holistik.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	UMPSA <i>Green Technology Living Lab</i> (GTLL)
Objektif	Menjadikan kampus UMPSA sebagai makmal hidup (<i>living lab</i>) yang mempamerkan inovasi lestari dan berimpak komuniti.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Pelajar dari pelbagai fakulti (kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, teknologi, sains sosial, matematik) membangunkan projek PBL seperti sistem tenaga boleh diperbaharui, rawatan air semula dan sistem sisa ke tenaga dengan memasukkan elemen IR 4.0 atau AI.
Tempoh	12 bulan (1 tahun akademik) – Fasa 1: Perancangan & reka bentuk konsep (3 bulan)– Fasa 2: Pembinaan & pelaksanaan projek (6 bulan)– Fasa 3: Penilaian, pameran & pengukuhan modul (3 bulan)
Matlamat KPI (Sasaran)	Satu tapak <i>Green Technology Living Lab</i> siap dibangunkan dan berfungsi untuk kegunaan komuniti. ≥80% pelajar menunjukkan peningkatan kemahiran kolaboratif dan penyelesaian masalah (penilaian rubrik PBL).
Sumber diperlukan	Geran dalaman Yayasan UMPSA atau CSR sumbangan industri tempatan, atau dana komuniti Madani.
Risiko & Mitigasi	Kurang penyertaan komuniti: Mesti libatkan ketua kampung & wakil masyarakat sejak awal bagi memastikan sokongan tempatan.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Dekan Fakulti dan Pusat Pembangunan dan Jaringan Industri & Masyarakat, UMPSA.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Wan Mohd Hafizuddin Bin Wan Yussof
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Universitas Airlangga, Indonesia
Tempoh Kelulusan	6 hingga 14 Ogos 2025



AMALAN TERBAIK 3

Nama Amalan terbaik	Penerapan Nilai Kelestarian melalui <i>Aktiviti Hands-on</i> .
Perincian Amalan terbaik	Aktiviti seperti penanaman pokok kelapa, pengiraan ' <i>carbon footprint</i> ' dan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui memberi kesedaran tentang aplikasi tenaga hijau walaupun di kawasan pendalaman.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Mengadakan hari kampus lestari (<i>UMPSA Sustainable Campus Day</i> dan <i>UMPSA Vehicle-Free Day</i>) di mana pelajar dan staf menjalankan aktiviti briskwalk sekitar kampus, pengiraan jejak karbon, penanaman pokok dan bengkel amalan hijau.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Ia boleh dijadikan model aktiviti pendidikan alam sekitar di samping menyelesaikan masalah komuniti setempat.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>UMPSA Green Campus Action: Hari Kampus Lestari dan Vehicle-Free Day</i>
Objektif	Menjadikan UMPSA sebagai model universiti hijau yang mengintegrasikan aktiviti pembelajaran, kesukarelawanan dan kelestarian.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Program berjalan kaki dan berbasikal sambil mengenal pasti lokasi strategik untuk penanaman pokok dan bengkel pengiraan jejak karbon.
Tempoh	1 hari utama (acara kemuncak) + persediaan & susulan selama 1 bulan. Cadangan tarikh: Minggu ke-5 Semester 2 setiap tahun (bersempena Earth Month – April).
Matlamat KPI (Sasaran)	Peningkatan kesedaran hijau. Minimum 100 anak pokok ditanam di sekitar kampus.
Sumber diperlukan	Geran Yayasan UMPSA dengan sokongan JPPH dan tajaan luar.
Risiko & Mitigasi	Kekangan kewangan: Mohon tajaan industri seperti industri (TNB, Lynas, SWCorp atau FGV) untuk aktiviti.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pusat Alam Sekitar & Kelestarian (UMPSA Green Office), Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEPA), Fakulti dan Kelab Alam Sekitar Pelajar.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Raizalhilmy bin Mohd Rais
Jawatan	Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni
Tempat Sangkutan	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor
Tempoh Kelulusan	17 hingga 26 September 2025



AMALAN TERBAIK 1	
Nama Amalan terbaik	Sistem Digital Pengurusan Aktiviti Pelajar – ACADUTM 2.0 dan UTM SAT (<i>Student Activity Transcript</i>)
Perincian Amalan terbaik	UTM menggunakan sistem ACADUTM 2.0 sebagai platform sehati bagi pengurusan, kelulusan dan pemantauan semua aktiviti pelajar di universiti. Sistem ini disepadukan dengan UTMSAT (<i>Student Activity Transcript</i>) yang berfungsi merekod dan melaporkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, kesukarelawanan dan kepimpinan secara automatik. Melalui sistem ini, pelajar dapat menjejak pencapaian dan jumlah <i>Activities Cumulative Points</i> (ACP) sebagai nilai tambah dalam profil kebolehpasaran graduan. Pendekatan digital ini mewujudkan tadbir urus pelajar yang telus, berimpak dan berasaskan data sebenar. Penilaian ACP adalah pada tahun akhir pengajian di mana pelajar boleh menjadikan laporan UTMSAT sebagai lampiran / dokumen sokongan semasa permohonan kerja.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh membangunkan sistem pelaporan aktiviti pelajar bersepadu di bawah pengurusan Akademi Adab, dengan ciri penilaian impak seperti hubungkait dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), nilai teras, kerjasama empat pihak (industri, komuniti, kerajaan dan universiti) dan DNA ADAB. Sistem ini boleh dijangka dengan inisiatif MyGading Pelajar bagi memudahkan rekod aktiviti, pemantauan ADAB Point serta penarafan pencapaian pelajar secara automatik.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pelaksanaan sistem seumpama ini akan meningkatkan kecekapan tadbir urus aktiviti pelajar, mengurangkan kebergantungan kepada proses manual, serta memperkukuh ketelusan pelaporan aktiviti. Ia juga memudahkan staf penyelaras menilai keberhasilan program secara kuantitatif dan kualitatif, seterusnya meningkatkan akauntabiliti Akademi Adab dalam pembangunan pelajar berasaskan data.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Raizalhilmy bin Mohd Rais
Jawatan	Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni
Tempat Sangkutan	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor
Tempoh Kelulusan	17 hingga 26 September 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>UMPSA Student Activity Integrated Reporting System</i>
Objektif	Membangunkan sistem digital bersepadu bagi pelaporan, pengesanan dan penilaian aktiviti pelajar yang menyokong pembangunan holistik, telus dan berimpak.
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Kajian keperluan pengguna (Akademi ADAB, MTAP, dan Majlis Tertinggi Badan Persatuan Pelajar). ▪ Pemetaan struktur data aktiviti pelajar berasaskan Outcome-Based Education (OBE) & ADAB Point. ▪ Pembangunan prototaip sistem (versi awal integrasi dengan MyGading dan CredB). ▪ Ujian rintis (pilot test) di kampus Pekan dan Gambang. ▪ Latihan pengguna dan pengenalan rasmi system
Tempoh	Mac 2026 – Disember 2026
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ 100% pelaporan aktiviti pelajar menggunakan sistem yang dibangunkan menjelang akhir 2026. ▪ Pengurangan 50% masa pemprosesan data aktiviti pelajar
Sumber diperlukan	▪ Sokongan teknikal oleh Pusat Teknologi Digital (DiTEC) ▪ Peruntukan pembangunan sistem:. ▪ Latihan pengguna dan bengkel: RM30,000.
Risiko & Mitigasi	Risiko ▪ Kelewatan pembangunan sistem. ▪ Rintangan perubahan dalam kalangan staf / pelajar ▪ Ketidakselarasan data dengan MyGading dan CredB Mitigasi ▪ Libat urus awal bersama DiTEC dan pelajar untuk reka bentuk mesra pengguna. ▪ Sesi kesedaran & latihan pengguna secara berperingkat. ▪ Penetapan API <i>standard</i> dan semakan teknikal bersama DiTEC dan UMPSA Advanced
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Akademi ADAB dengan sokongan DiTEC dan MPP / Badan Persatuan Pelajar

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Raizalhilmy bin Mohd Rais
Jawatan	Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni
Tempat Sangkutan	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor
Tempoh Kelulusan	17 hingga 26 September 2025



AMALAN TERBAIK 2

Nama Amalan terbaik	Modul Adab UTM – Pendekatan Pembentukan Pelajar Holistik Berasaskan Nilai
Perincian Amalan terbaik	UTM memperkenalkan Modul Adab yang berasaskan tujuh dimensi utama — adab terhadap Tuhan, diri, ibu bapa, pensyarah, sahabat, ilmu dan alam sekitar. Modul ini diintegrasikan ke dalam pembangunan pelajar bagi memperkukuh aspek spiritual, moral dan sosial pelajar. Pendekatan ini menekankan keseimbangan antara pencapaian akademik dan pembentukan akhlak, menjadikan pelajar lebih beradab, bertanggungjawab dan berjiwa sejahtera.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Akademi Adab boleh menyesuaikan pendekatan ini melalui penggubalan Modul Pembangunan Jati Diri ADAB UMPSA yang memfokuskan kepada empat nilai iaitu ASPIRE, DYNAMIC, AGILE, BALANCED. Ianya merupakan kerangka pembangunan identiti mahasiswa UMPSA melalui pembinaan citra dan jati diri ADAB. Nilai-nilai ADAB ini bukan sahaja berperanan sebagai kerangka asas dalam membentuk keperibadian pelajar, malah menjadi pemangkin kepada pembinaan budaya organisasi pelajar yang progresif, beretika dan berdaya saing di peringkat nasional serta global. Inisiatif ini turut mendukung aspirasi universiti untuk melahirkan graduan beridentiti UMPSA yang mampu menjadi duta nilai, agen perubahan serta pemimpin masa hadapan yang relevan dan berdaya tahan dalam persekitaran dunia yang dinamik dan mencabar. Secara tidak langsung ianya boleh digabungkan dalam kursus pembangunan pelajar, latihan kepimpinan, dan aktiviti kelab/persatuan, bagi memastikan pembudayaan nilai berlaku secara menyeluruh dan konsisten.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pendekatan ini berpotensi memperkukuh identiti mahasiswa UMPSA berasaskan empat nilai utama ADAB selain ianya mampu memperkukuh identiti universiti melalui pembentukan pelajar beradab, berdaya saing dan seimbang. Ianya bukan sahaja menyeragamkan pembangunan pelajar secara holistik merentasi fakulti, kolej kediaman dan badan pelajar, malah memperkasa budaya kerja berasaskan nilai dalam kalangan warga universiti. Malahan ia juga berpotensi meningkatkan keberkesanan tadbir urus pembangunan pelajar, memperkukuh reputasi UMPSA sebagai universiti teknologi berteraskan nilai, serta mewujudkan komuniti kampus yang harmoni, profesional dan berjiwa sejahtera.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Raizalhilmy bin Mohd Rais
Jawatan	Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni
Tempat Sangkutan	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor
Tempoh Kelulusan	17 hingga 26 September 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Modul DNA ADAB UMPSA
Objektif	Memperkukuh pembangunan jati diri pelajar melalui pengintegrasian nilai ADAB dalam semua bentuk latihan dan aktiviti pelajar.
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Kajian perbandingan dan penjajaran Modul ADAB UMPSA & Modul Adab UTM. ▪ Pemurnian elemen nilai berdasarkan elemen ADAB (Aspire. Dynamic. Agile. Balanced) ▪ Bengkel reka bentuk modul latihan (bersama fakulti & ahli task force). ▪ Pelaksanaan program rintis di bawah Akademi ADAB. ▪ Penilaian impak dan penerbitan modul rasmi (manual latihan pelajar).
Tempoh	Februari 2026 – Oktober 2026
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ Modul DNA ADAB diluluskan oleh Senat. ▪ 70% pelajar Tahun 1 mengikuti program pembangunan ADAB berasaskan modul ini menjelang 2027.
Sumber diperlukan	▪ Sokongan teknikal oleh Pusat Teknologi Digital (DiTEC) ▪ Peruntukan pembangunan sistem:. ▪ Latihan pengguna dan bengkel: RM30,000.
Risiko & Mitigasi	Risiko ▪ Kandungan modul tidak diterima secara meluas ▪ Kekangan tenaga fasilitator ▪ Modul kurang berimpak Mitigasi ▪ Sesi libat urus bersama fakulti dan pelajar semasa reka bentuk ▪ Latihan “Train the Trainer” untuk staf & pemimpin pelajar ▪ Penilaian berasaskan instrumen rubrik ADAB
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Akademi ADAB, dengan sokongan Fakulti dan Pusat di bawah HEPA.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Raizalhilmy bin Mohd Rais
Jawatan	Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni
Tempat Sangkutan	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor
Tempoh Kelulusan	17 hingga 26 September 2025



AMALAN TERBAIK 3

Nama Amalan terbaik	Program 5 <i>Excellence Track Programmes</i> (5ETP) – Pembangunan Pelajar Secara Holistik
Perincian Amalan terbaik	5ETP merupakan kerangka pembangunan pelajar UTM yang berasaskan lima laluan kecemerlangan iaitu Kepimpinan Global, Minda Nobel, Kecemerlangan Sukan, Teknousahawan dan Teknohafiz. Inisiatif ini menyediakan platform struktur untuk pelajar mengenal pasti potensi diri, mengasah kemahiran khusus dan memacu kecemerlangan mengikut kekuatan individu. Kaedah pemprofilan bakat yang digunakan membantu universiti menyerlahkan daya saing pelajar secara lebih sistematik dan berkesan.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh membangunkan inisiatif setara dengan 5ETP sebagai kerangka pengiktirafan pelajar berprestasi tinggi dalam bidang terpilih seperti kepimpinan, keusahawanan, inovasi teknologi, sukan dan kesukarelawanan. Kerangka ini boleh diujarkannya dengan sistem ADAB Point bagi memastikan penilaian pencapaian pelajar dibuat secara merit, telus dan berimpak. Inisiatif ini juga boleh digerakkan sebagai platform pemprofilan bakat pelajar untuk tujuan pembangunan sistematik serta mobiliti akademik dan profesional.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pendekatan ini berpotensi membantu UMPSA mengenal pasti, membimbing dan menonjolkan pelajar cemerlang berdasarkan keunikan bakat masing-masing, seterusnya memperkukuhkan imej universiti sebagai Universiti Teknologi Terunggul dalam pembangunan pelajar berprofil global. Bagi warga kerja, kerangka ini menjadi rujukan strategik dalam merancang intervensi pembangunan pelajar yang berfokus, berasaskan keperluan sebenar serta berimpak tinggi, seterusnya menyokong aspirasi transformasi universiti secara holistik.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Raizalhilmy bin Mohd Rais
Jawatan	Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni
Tempat Sangkutan	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor
Tempoh Kelulusan	17 hingga 26 September 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Inisiatif Unggul Mahasiswa UMPSA
Objektif	Mewujudkan laluan pembangunan pelajar yang berfokus dan berimpak tinggi mengikut minat serta potensi — meliputi lima domain unggul: kepimpinan, keusahawanan, inovasi teknologi, sukan dan kesukarelawanan.
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Penetapan lima domain unggul berdasarkan analisis keperluan pelajar UMPSA. ▪ Reka bentuk kurikulum sokongan (<i>co-curriculum mapping</i>). ▪ Pelaksanaan program perintis bagi setiap domain unggul. ▪ Penilaian dan pengiktirafan pencapaian pelajar melalui sistem ADAB Point. ▪ Pembangunan pelaporan impak tahunan.
Tempoh	April 2026 – Disember 2027
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ 5 domain unggul dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2027. ▪ Sekurang-kurangnya 500 pelajar terlibat dalam program perintis. ▪ 90% peserta menunjukkan peningkatan skor ADAB Point & kemahiran insaniah.
Sumber diperlukan	▪ Peruntukan pelaksanaan tahunan: RM60,000. ▪ Kolaborasi industri & alumni sebagai mentor. ▪ Platform pelaporan digital (integrasi sistem ADAB Point).
Risiko & Mitigasi	Risiko ▪ Kekangan penyertaan pelajar ▪ Tiada kesinambungan selepas perintis ▪ Kekangan kewangan Mitigasi ▪ Promosi awal & pengiktirafan khas (sijil, kredit kokurikulum) ▪ Jadikan sebahagian daripada Pelan Strategik HEPA ▪ Libatkan rakan industri / alumni & CSR universiti sebagai penaja
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Akademi ADAB, dengan sokongan Fakulti dan Pusat di bawah HEPA.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Pn. Idayu binti Mat Ali
Jawatan	Pegawai Sains
Ptj	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
Tempat Sangkutan	Ming Chi University of Technology (MCUT), Taiwan
Tempoh Kelulusan	22 hingga 26 September 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	<i>Core Facility Bookings Calendar, Research Centre For Intelligent Medical Devices.</i>
Perincian Amalan terbaik	<i>Research Centre For Intelligent Medical Devices</i> memaparkan jadual tempahan peralatan analisis berteknologi tinggi di laman web rasmi jabatan.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Sistem terbaik adalah sistem tempahan penggunaan peralatan analisis atas talian secara menyeluruh. Namun sistem ini mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk dibangunkan. Oleh yang demikian, Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Makmal Berpusat boleh mengadaptasi konsep paparan jadual tempahan di laman web rasmi jabatan untuk menjadi rujukan pelanggan bagi urusan tempahan penggunaan peralatan analisis/saintifik sebagaimana yang dipaparkan di laman web <i>Research Centre For Intelligent Medical Devices</i> , MCUT.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pelanggan kepada Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Makmal Berpusat dapat melihat terus di laman web jabatan paparan jadual penggunaan peralatan analisis/saintifik. Ini secara langsung membolehkan pelanggan untuk merancang penyediaan sampel dan tarikh/masa tempahan peralatan.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>Equipment Bookings Calendar</i>
Objektif	Memaparkan jadual tempahan peralatan analisis/saintifik.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Makmal Berpusat dan Pusat Kecemerlangan mewujudkan paparan ini di laman web jabatan masing-masing
Tempoh	6 bulan
Matlamat KPI (Sasaran)	Paparan <i>Equipment Bookings Calendar</i> di laman web jabatan
Sumber diperlukan	Eksekutif Teknikal / <i>Website Developer</i>
Risiko & Mitigasi	Tanpa pelaksanaan pengguna makmal masih akan menggunakan kaedah semasa.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Makmal Berpusat/CoE.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Pn. Idayu binti Mat Ali
Jawatan	Pegawai Sains
Ptj	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
Tempat Sangkutan	Ming Chi University of Technology (MCUT), Taiwan
Tempoh Kelulusan	22 hingga 26 September 2025



AMALAN TERBAIK 2

Nama Amalan terbaik	<i>Personal Laboratory</i>
Perincian Amalan terbaik	Di MCUT, setiap staf akademik, terutamanya mereka yang terlibat dalam bidang kejuruteraan, teknologi dan sains gunaan diberikan ruang makmal khusus yang berfungsi sebagai <i>Personal Laboratory</i> .
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Bagi UMPSA, konsep <i>personal laboratory</i> ini boleh dijadikan inspirasi dalam memperkukuh budaya penyelidikan di kalangan staf akademik. Walaupun pelaksanaannya mungkin perlu disesuaikan dengan kekangan ruang, sumber dan struktur organisasi sedia ada, idea ini berpotensi untuk: ▪ Meningkatkan produktiviti penyelidikan individu ▪ Memupuk rasa tanggungjawab dan kepemilikan terhadap projek ▪ Menjadikan makmal sebagai pusat kecil kecemerlangan penyelidikan di peringkat fakulti
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Dengan pelaksanaan secara berperingkat — contohnya melalui <i>shared personal lab</i> bagi bidang berkaitan atau <i>cluster-based laboratory management</i> — UMPSA boleh membangunkan ekosistem penyelidikan yang lebih dinamik dan berdaya saing seiring dengan amalan di MCUT.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>Personal Laboratory</i>
Objektif	Menyediakan makmal spesifik atas penyelidik bagi menggalakkan penyelidikan berfokus.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Pelaksanaan boleh secara berperingkat — seperti <i>by focus area lab/cluster lab</i> atas kekangan/ sukar untuk mewujudkan <i>personal laboratory</i> kerana memerlukan ruang yang banyak dan kos tinggi atau pelaksanaan secara small scale, ruang- ruang makmal kecil tetapi dapat beberapa unit memfokus kepada preparation lab.
Tempoh	2 Tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	<i>Personal Laboratory by Cluster</i>
Sumber diperlukan	Sumber Peruntukan Pembangunan ekuitif Teknikal / <i>Website Developer</i> .
Risiko & Mitigasi	Tanpa pelaksanaan pengguna makmal masih akan menggunakan kaedah semasa.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Makmal Fakulti

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Pn. Idayu binti Mat Ali
Jawatan	Pegawai Sains
Ptj	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
Tempat Sangkutan	Ming Chi University of Technology (MCUT), Taiwan
Tempoh Kelulusan	22 hingga 26 September 2025



AMALAN TERBAIK 3	
Nama Amalan terbaik	Galeri Ming Chi University of Technology
Matlamat KPI (Sasaran)	≥ 75% pelajar mencapai sasaran KPI mini-project
Sumber diperlukan	Bahan <i>case study</i> , formula, data rujukan NRW
Risiko & Mitigasi	Risiko ▪ Interpretasi KPI salah Mitigasi ▪ Template panduan interpretasi & latihan praktikal
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	UMPSA – PPPH/UMPSA Holdings

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Wan Muslimin bin Wan Nawang
Jawatan	Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Pendaftar
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Penglibatan Alumni dalam Majlis Konvokesyen.
Perincian Amalan terbaik	Pengerusi atau Wakil Alumni diberikan slot bagi menyampaikan ucapan dalam Majlis Konvokesyen dan seterusnya menjemput graduan untuk sama-sama menyertai persatuan alumni bagi membantu universiti sama ada dari segi jaringan, sumbangan, dan lain-lain.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Melibatkan kehadiran wakil alumni berwibawa dalam Majlis Konvokesyen UMPSA.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Meningkatkan penglibatan alumni dalam pembangunan dan pengembangan UMPSA dari segi pembangunan pelajar, jaringan kerjasama dan pembangunan fasiliti.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Wakil alumni ternama/berwibawa hadir dalam setiap sesi konvokesyen.
Objektif	Mewujudkan program khas yang adanya struktur dan sasaran tertentu
Langkah Tindakan/Aktiviti	Menjemput wakil alumni ternama/ berwibawa untuk mengajak graduan baharu menyumbang kepada pembangunan UMPSA.
Tempoh	Setiap sesi konvokesyen
Matlamat KPI (Sasaran)	Hubungan baik alumni dengan alma mater bagi meningkatkan kualiti pendidikan, penyelidikan, fasiliti, dan lain-lain dari segi kewangan, input, pelaksanaan dan lain-lain
Sumber diperlukan	Data Alumni
Risiko & Mitigasi	-
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pusat Perhubungan Alumni

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Wan Muslimin bin Wan Nawang
Jawatan	Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Pendaftar
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 2

Nama Amalan terbaik	Penggunaan nama alumni bagi projek pembangunan fasiliti kampus.
Perincian Amalan terbaik	Mendapatkan sumbangan alumni bagi projek Pembangunan fasiliti kampus dan nama fasiliti diletakkan atas nama alumni/Kumpulan alumni.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Pendanaan bagi projek pembangunan fasiliti daripada alumni melalui kutipan amal, sumbangan bulanan, dan lain-lain.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Meningkatkan jaringan kerjasama dan hubungan alumni bersama UMPSA.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Pendanaan daripada alumni
Objektif	Meningkatkan kualiti fasiliti di UMPSA.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Mendapatkan sumbangan dana daripada alumni.
Tempoh	1-3 Tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	Melibatkan alumni dalam membangunkan keperluan fasiliti di UMPSA.
Sumber diperlukan	▪ Data Alumni ▪ Taskforce
Risiko & Mitigasi	-
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	▪ Pusat Perhubungan Alumni ▪ Yayasan UMPSA

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Wan Muslimin bin Wan Nawang
Jawatan	Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Pendaftar
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 3

Nama Amalan terbaik	Kerjasama bersama bank atau badan pembiayaan bagi pembelian rumah untuk staf.
Perincian Amalan terbaik	UI memeterai perjanjian bersama bank atau badan pembiayaan bagi membolehkan staf membeli rumah dengan kadar bunga yang lebih rendah.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Kerjasama bersama pemaaju/bank bagi pembelian rumah atau keperluan lain bagi kemudahan staf.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Memberikan manfaat kepada staf untuk memiliki rumah dengan pelan pembiayaan yang lebih menarik.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Kerjasama bersama pembiayaan kewangan
Objektif	Meningkatkan kemudahan kepada staf.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Mengadakan Kerjasama bersama pembiaya kewangan/pemaju dalam memberikan kemudahan yang maksima kepada staf.
Tempoh	1-10 Tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	Staf dapat menikmati kemudahan pembiayaan yang lebih baik.
Sumber diperlukan	Pembiaya kewangan
Risiko & Mitigasi	-
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Jabatan Pendaftar

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Pembentukan kluster prestasi berdasarkan teras
Perincian Amalan terbaik	Amalan ini menekankan pendekatan sistematik dalam mengurus dan menilai prestasi universiti dengan membahagikan pencapaian kepada beberapa kluster utama yang berasaskan teras strategik UMPSA. Setiap kluster dibentuk dengan indikator prestasi utama (KPI) yang jelas, meliputi aspek akademik, penyelidikan, inovasi, pembangunan pelajar, kokurikulum, serta pengurusan organisasi. Melalui pembentukan kluster ini, prestasi dapat dipantau secara lebih berfokus dan berstruktur. Data pencapaian dikumpulkan, dianalisis dan dibandingkan antara kluster untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang, serta cabaran. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pemantauan, tetapi juga membolehkan strategi penambahbaikan dirangka dengan lebih tepat dan berfokus. Selain itu, kluster prestasi berfungsi sebagai platform kolaborasi antara fakulti, pusat tanggungjawab, dan badan pelajar. Ia menggalakkan perkongsian amalan terbaik, memperkukuh budaya kecemerlangan, serta mewujudkan ekosistem persaingan sihat yang mendorong peningkatan berterusan.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Pemberian dana khusus bagi pengurusan aktiviti badan pelajar atau kegiatan mahasiswa, dengan penekanan kepada pencapaian kluster prestasi. ▪ Dana diagihkan berdasarkan pencapaian indikator prestasi yang ditetapkan, sekali gus menggalakkan budaya/sistem merit dan meningkatkan motivasi pelajar. ▪ Mengintegrasikan sistem pemantauan digital bagi menilai keberkesanan penggunaan dana dan impak aktiviti terhadap prestasi kluster. ▪ Menyediakan bengkel atau latihan kepimpinan kepada pelajar yang terlibat dalam pengurusan kluster, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan kesinambungan amalan terbaik ini. "Sistem pemantauan digital" maksudnya ialah satu kaedah menggunakan teknologi digital (contohnya perisian, aplikasi atau platform berasaskan web) untuk merekod, menjejak, menganalisis dan melaporkan prestasi atau aktiviti secara automatik dan sistematik.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 1

Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA

Ciri utama sistem pemantauan digital:

- Pengumpulan data automatik: Semua maklumat prestasi (contoh: pencapaian pelajar, penggunaan dana, bilangan aktiviti) direkodkan terus dalam sistem tanpa perlu manual.
- Dashboard interaktif: Paparan visual seperti graf, carta atau laporan yang mudah difahami untuk menilai prestasi setiap kluster.
- Akses masa nyata (real-time): Data boleh dilihat serta-merta oleh pengurusan, pelajar atau staf tanpa menunggu laporan manual.
- Jejak audit dan ketelusan: Setiap transaksi atau penggunaan dana direkodkan, memudahkan semakan semula dan meningkatkan ketelusan.
- Analitik dan ramalan: Sistem boleh menganalisis trend prestasi dan memberi cadangan penambahbaikan berdasarkan data.

Contoh dalam konteks UMPSA:

Jika dana diberikan kepada badan pelajar, sistem pemantauan digital boleh digunakan untuk:

- Merekod jumlah dana yang diterima dan dibelanjakan.
- Menjejak bilangan aktiviti yang dijalankan oleh setiap kluster.
- Menilai impak aktiviti terhadap pencapaian pelajar (contoh: peningkatan penyertaan, pencapaian akademik atau kokurikulum).
- Menghasilkan laporan automatik untuk pengurusan universiti. Dengan cara ini, universiti bukan sahaja dapat memastikan penggunaan dana lebih telus, tetapi juga dapat melihat hubungan langsung antara dana, aktiviti, dan prestasi kluster.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 1

Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja

- Peningkatan Keberkesanan Pengurusan Prestasi: Kluster membolehkan pemantauan lebih sistematik, dengan data yang jelas untuk membuat keputusan strategik.
- Budaya Kecemerlangan dan Persaingan Sihat: Pelajar dan staf digalakkan untuk mencapai sasaran prestasi, sekali gus meningkatkan motivasi dan komitmen.
- Pengurusan Dana yang Lebih Telus dan Berfokus: Dana diagihkan berdasarkan pencapaian, memastikan penggunaan sumber yang optimum.
- Peningkatan Reputasi UMPSA: Kejayaan kluster prestasi dapat dipromosikan sebagai pencapaian universiti, meningkatkan imej dan daya saing di peringkat nasional serta antarabangsa.
- Pengukuhan Kolaborasi: Kluster menjadi wadah untuk kerjasama antara fakulti, pusat tanggungjawab, dan badan pelajar, memperkukuh jaringan dalaman universiti.
- Pembangunan Kepimpinan Pelajar: Melalui pengurusan kluster, pelajar berpeluang mengasah kemahiran kepimpinan, pengurusan projek, dan komunikasi, yang memberi nilai tambah kepada pembangunan sahsiah mereka.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Pembentukan kluster prestasi berdasarkan teras
Objektif	- Memberikan pendedahan pelajar dan pendanaan yang lebih besar dengan program berimpak tinggi. - Menstrukturkan prestasi organisasi mengikut teras strategik (contoh: Akademik, Penyelidikan, Kebajikan, Infrastruktur) untuk pemantauan yang lebih fokus. - Memastikan setiap kluster mempunyai sasaran KPI yang jelas dan selaras dengan Pelan Strategik UMPSA. - Memperkuh akauntabiliti melalui pemilik kluster dan laporan berkala. - Meningkatkan keberkesanan pengurusan prestasi dengan analisis data
Langkah Tindakan/Aktiviti	Program yang dijalankan seperti Program Yayasan UMPSA Fasa 1 (Jan–Feb 2026): - Semakan Pelan Strategik UMPSA & kenal pasti teras utama. - Tentukan kluster prestasi (contoh: Teras Akademik → Kluster Pengajaran & Pembelajaran). - Lantik pemilik kluster & pasukan sokongan. Fasa 2 (Mac–Apr 2026): - Tetapkan KPI setiap kluster (selaras dengan teras strategik). - Bangunkan template pelaporan & SOP pemantauan. - Bengkel pemahaman KPI & peranan kluster. Fasa 3 (Mei–Jun 2026): - Pembangunan <i>dashboard</i> prestasi (Power BI/Excel). - Ujian pelaporan & semakan data. Fasa 4 (Jul–Dis 2026): - Pelaksanaan penuh & pemantauan berkala. - Laporan suku tahunan kepada pengurusan. - Penambahbaikan berterusan.
Tempoh	Januari – Disember 2026

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Matlamat KPI (Sasaran)	Aktiviti yang berimpak diberi dana secara geran dan akan dipertandingkan diperingkat yang lebih tinggi. 100% kluster dibentuk & berfungsi menjelang Jun 2026. ≥90% KPI kluster ditetapkan & dimasukkan ke dashboard menjelang Julai 2026. ≥85% pematuhan pelaporan mengikut jadual suku tahunan. ≥80% skor keberkesanan (penilaian pengurusan terhadap sistem kluster).
Sumber diperlukan	Sumber dalaman atau pendanaan dari kementerian atau agensi luar - Manusia: Penyelaras projek, pemilik kluster, pegawai data/ICT. - Teknologi: <i>Dashboard</i> prestasi (Power BI/Excel), pangkalan data KPI. - Kewangan: Peruntukan bengkel, latihan, pembangunan <i>dashboard</i>. - Tadbir urus: Kelulusan struktur kluster & SOP pelaporan.
Risiko & Mitigasi	Perancangan teliti dan garis masa yang diperlukan. Perlu kepakaran khusus untuk pelaksanaan dan pemantauan projek. Pemilihan projek yang berkualiti dan berimpak tinggi R1: Kekeliruan peranan kluster → Bengkel & dokumen SOP jelas. R2: Data KPI tidak lengkap/tepat → Mekanisme semakan & pengesahan data. R3: Penolakan perubahan budaya kerja → Komunikasi berkesan & sokongan pengurusan. R4: Kekangan teknologi → Gunakan platform sedia ada (Excel/SharePoint) sebelum Power BI penuh.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pemilik: Bahagian Perancangan Strategik / Akademi Adab (jika berkaitan).Penyelaras Projek: Staf C (Pentadbiran & Kewangan).Rakan Pelaksana: Unit ICT, Fakulti, Unit Audit Dalaman.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Pemantapan pengurusan biasiswa kebajikan mahasiswa
Perincian Amalan terbaik	Amalan ini memberi tumpuan kepada pengurusan biasiswa kebajikan mahasiswa secara lebih sistematik, telus dan berkesan. Ia melibatkan proses penambahbaikan dalam aspek berikut: ▪ Penyelarasan permohonan: Menggunakan sistem digital untuk memudahkan pelajar memohon biasiswa dengan lebih cepat dan teratur. ▪ Penilaian telus: Menetapkan kriteria kelayakan yang jelas, berasaskan merit dan keperluan, bagi memastikan bantuan diberikan kepada pelajar yang benar-benar layak. ▪ Pemantauan berterusan: Menyediakan mekanisme pemantauan bagi memastikan penerima biasiswa menggunakan bantuan dengan baik dan mencapai prestasi akademik yang diharapkan. ▪ Khidmat sokongan: Menawarkan sesi kaunseling kewangan dan akademik kepada penerima biasiswa untuk membantu mereka menguruskan kehidupan kampus dengan lebih seimbang.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	▪ Membangunkan sistem pengurusan biasiswa bersepadu yang menggabungkan permohonan, penilaian, kelulusan, dan pemantauan dalam satu <i>platform digital</i>. ▪ Menubuhkan unit khas di bawah Hal Ehwal Pelajar untuk mengurus biasiswa kebajikan dengan lebih fokus dan profesional. • Mengadakan kerjasama strategik dengan pihak industri, alumni, dan agensi luar bagi menambah sumber dana biasiswa. ▪ Melaksanakan audit berkala untuk memastikan ketelusan dan keberkesanan pengurusan biasiswa. ▪ Menyediakan program pembangunan pelajar (<i>soft skills</i>, kepimpinan, kerjaya) khusus untuk penerima biasiswa agar mereka bukan sahaja mendapat bantuan kewangan, tetapi juga sokongan pembangunan diri.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 2

Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA

Ciri-ciri utama sistem digital biasiswa:

- Permohonan atas talian: Pelajar tidak perlu menghantar borang bercetak.
- Semakan status masa nyata (*real-time*): Pelajar boleh mendapat makluman sama ada permohonan mereka diterima atau ditolak dengan cepat.
- Pengurusan dokumen digital: Semua dokumen sokongan (transkrip, surat pengesahan) dimuat naik terus ke sistem.
- Ketelusan dan jejak audit: Setiap langkah/proses permohonan direkodkan, memudahkan semakan semula.
- Integrasi dengan pangkalan data universiti: Sistem boleh terus mengakses rekod akademik pelajar untuk menilai kelayakan.

Kegunaan *dashboard* ini:

- Pelajar: Boleh semak status permohonan secara masa nyata tanpa perlu hadir ke pejabat.
- Pengurusan universiti: Mudah menjejak jumlah permohonan, dana diluluskan, dan tindakan susulan.
- Ketelusan: Semua keputusan direkodkan dengan jelas, mengurangkan salah faham.
- Analitik: Data boleh digunakan untuk melihat trend permohonan mengikut fakulti/program.

Dalam konteks UMPSA, sistem seperti ini boleh dibangunkan sebagai portal biasiswa bersepadu di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Ia boleh menggabungkan:

- Permohonan biasiswa dalaman (UMPSA) dan luar (agensi kerajaan/industri).
- Dashboard pelajar untuk melihat jumlah bantuan diterima, tarikh akhir permohonan, dan status kelulusan.
- Analitik untuk pihak pengurusan menilai keberkesanan biasiswa terhadap prestasi akademik dan kebajikan mahasiswa.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 2

Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Mendorong staf menjadi agen perubahan dalam memperkukuh budaya organisasi dan inovasi di tempat kerja asal. ▪ Meningkatkan kesejahteraan mahasiswa: Pelajar yang menerima biasiswa dapat menumpukan perhatian kepada pembelajaran tanpa beban kewangan yang berat. ▪ Mewujudkan budaya organisasi yang telus: Proses pengurusan biasiswa yang sistematik dan berintegriti meningkatkan kepercayaan pelajar terhadap universiti. ▪ Menggalakkan inovasi dalam pengurusan: Staf digalakkan menggunakan teknologi digital dan pendekatan baharu, menjadikan mereka agen perubahan di tempat kerja. ▪ Meningkatkan imej UMPSA: Kejayaan dalam pengurusan biasiswa kebajikan dapat dipromosikan sebagai amalan terbaik, meningkatkan reputasi universiti di peringkat nasional dan antarabangsa. ▪ Memperkukuh hubungan dengan pihak luar: Kerjasama dengan industri dan alumni dalam menyediakan dana biasiswa memperluas jaringan strategik universiti. ▪ Pembangunan holistik mahasiswa: Bantuan kewangan disertai sokongan pembangunan diri melahirkan graduan yang lebih seimbang, berdaya saing, dan berdaya tahan.
--	--

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Pemantapan pengurusan biasiswa Kebajikan mahasiswa
Objektif	- Mempercepatkan kitaran pemprosesan permohonan daripada purata 20 hari kepada ≤ 10 hari bekerja. - Memastikan pematuhan 100% kepada SOP dan audit dalaman untuk ketelusan rekod. - Mengurangkan kadar penolakan audit kepada $< 3\%$ bagi memastikan bantuan sampai kepada penerima layak. - Mencapai $\geq 85\%$ skor kepuasan pelajar terhadap proses permohonan & maklum balas.
Langkah Tindakan/Aktiviti	(Berfasa, 2026) - Fasa 1 (Jan–Mac): Pemetaan proses AS-IS & analisis jurang; semakan dasar/garis panduan; draf SOP baharu & standard masa pemprosesan. - Fasa 2 (Apr–Jun): Penambahbaikan borang digital & senarai semak dokumen; penambahbaikan modul e-biasiswa (notifikasi automatik, <i>validation</i>); bengkel latihan pegawai. - Fasa 3 (Jul–Sep): Pilot di 2 fakulti; penetapan dashboard KPI & laporan bulanan; mekanisme maklum balas (<i>survey and helpdesk</i>). - Fasa 4 (Okt–Dis): Pengembangan ke semua fakulti; audit dalaman & penambahbaikan berterusan; pembentangan laporan akhir & cadangan 2027.*AS-IS: situasi sistem sedia ada
Tempoh	Januari–Disember 2026 Milestone - M1 (Mac 2026): SOP diluluskan. - M2 (Jun 2026): Modul e-biasiswa diperkemas & latihan selesai. - M3 (Sep 2026): Pilot lengkap & KPI suku tahun dicapai. - M4 (Dis 2026): Pelaksanaan penuh & laporan akhir dibentang.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN

PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA

TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Matlamat KPI (Sasaran)	Aktiviti yang berimpak diberi dana secara geran dan akan dipertandingkan diperingkat yang lebih tinggi 100% kluster dibentuk & berfungsi menjelang Jun 2026. ≥90% KPI kluster ditetapkan & dimasukkan ke <i>dashboard</i> menjelang Julai 2026. ≥85% pematuhan pelaporan mengikut jadual suku tahunan. ≥80% skor keberkesanan (penilaian pengurusan terhadap sistem kluster).
Sumber diperlukan	Sumber dalaman atau pendanaan dari kementerian atau agensi luar - Manusia: Penyelaras projek, pemilik kluster, pegawai data/ICT. - Teknologi: <i>Dashboard</i> prestasi (Power BI/Excel), pangkalan data KPI. - Kewangan: Peruntukan bengkel, latihan, pembangunan <i>dashboard</i>. - Tadbir urus: Kelulusan struktur kluster & SOP pelaporan.
Risiko & Mitigasi	Perancangan teliti dan garis masa yang diperlukan. Perlu kepakaran khusus untuk pelaksanaan dan pemantauan projek. Pemilihan projek yang berkualiti dan berimpak tinggi R1: Kekeliruan peranan kluster → Bengkel & dokumen SOP jelas. R2: Data KPI tidak lengkap/tepat → Mekanisme semakan & pengesahan data. R3: Penolakan perubahan budaya kerja → Komunikasi berkesan & sokongan pengurusan. R4: Kekangan teknologi → Gunakan <i>platform</i> sedia ada (Excel/SharePoint) sebelum Power BI penuh.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	- Pemilik: Bahagian Perancangan Strategik / Akademi Adab (jika berkaitan). - Penyelaras Projek: Staf C (Pentadbiran & Kewangan). - Rakan Pelaksana: Unit ICT, Fakulti, Unit Audit Dalaman.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 3	
Nama Amalan terbaik	Pengurusan fasiliti umum di jabatan yang cekap Sistem Tempahan Bilik & Fasiliti.
Perincian Amalan terbaik	Semakan tempahan ruang dapat dilakukan dengan lebih efektif. Mudah dikawal selia dan lebih teratur. Amalan ini menekankan penggunaan sistem digital bagi mengurus tempahan bilik dan fasiliti umum di jabatan secara lebih teratur, telus, dan mesra pengguna. Melalui sistem ini, semakan tempahan ruang dapat dilakukan dengan lebih efektif kerana: ▪ Proses tempahan lebih sistematik: Semua permohonan direkodkan dalam sistem, mengurangkan risiko pertindihan jadual. ▪ Kawal selia lebih mudah: Pentadbir dapat memantau penggunaan bilik dan fasiliti secara masa nyata (<i>real-time</i>). ▪ Maklumat teratur: Data penggunaan ruang disimpan secara berpusat, memudahkan analisis trend penggunaan. ▪ Maklum balas segera: Pengguna menerima pengesahan atau penolakan tempahan secara automatik, tanpa perlu menunggu lama.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Tempahan melalui <i>platform "open source"</i> dan <i>Google Form</i> dapat memberikan carian penggunaan secara lebih mudah. Memudahkan carian tanpa menggunakan resource booking. ▪ Menggunakan platform open source atau integrasi dengan <i>Google Form/Google Calendar</i> untuk memudahkan proses tempahan tanpa bergantung kepada sistem <i>resource booking</i> yang kompleks. ▪ Menyediakan portal bersepadu UMPSA untuk semua jabatan, di mana pelajar dan staf boleh membuat tempahan bilik kuliah, bilik mesyuarat atau fasiliti lain dengan mudah dan mesra pengguna. ▪ Menambah fungsi carian pintar (<i>smart search function</i>) supaya pengguna boleh melihat ketersediaan ruang berdasarkan tarikh, masa dan jenis fasiliti. ▪ Mengintegrasikan sistem dengan notifikasi e-mel atau aplikasi mudah alih, agar pengguna menerima maklum balas segera tentang status tempahan. ▪ Menyediakan laporan penggunaan ruang secara automatik untuk membantu pengurusan membuat keputusan tentang penyelenggaraan dan pengoptimuman fasiliti.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 3

Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Carian pintar dalam sistem tempahan bermaksud fungsi carian yang lebih automatik, fleksibel dan berfokus berbanding carian biasa. Ia menggunakan kata kunci, tapisan (filter), dan integrasi data untuk memudahkan pengguna mencari fasiliti atau bilik yang sesuai dengan keperluan mereka. Ciri-ciri Carian Pintar dalam Sistem Tempahan ▪ Carian berasaskan kata kunci: Pengguna boleh taip “bilik aktiviti pelajar” atau “mini auditorium” dan sistem terus senaraikan ruang yang berkaitan. ▪ Tapisan fleksibel: Pengguna boleh tapis mengikut tarikh, masa, kapasiti bilik, lokasi jabatan, atau jenis fasiliti. ▪ Cadangan automatik: Sistem boleh mencadangkan bilik alternatif jika ruang yang diminta sudah ditempah. ▪ Integrasi kalendar: Carian terus dipadankan dengan jadual ketersediaan (contoh: <i>Google Calendar</i>), jadi pengguna tahu slot kosong tanpa perlu semak manual. ▪ Paparan masa nyata (real-time): Status bilik (kosong, ditempah, dalam semakan) dipaparkan segera. ▪ Analitik penggunaan: Sistem boleh mempamerkan bilik yang paling kerap digunakan atau jarang digunakan, membantu pengurusan membuat keputusan dan penyelenggaraan berkala.
---	--

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 3

Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Sistem tempahan yang lebih mesra pengguna. Selain itu, pihak pengguna dapat melihat maklumbalas tempahan secara terus serta lebih efektif. ▪ Sistem mesra pengguna: Proses tempahan lebih mudah, cepat, dan boleh diakses dari mana-mana sahaja. ▪ Ketelusan dan kecekapan: Pengguna dapat melihat status tempahan secara terus, mengurangkan salah faham atau pertindihan jadual. ▪ Peningkatan produktiviti: Staf dan pelajar tidak perlu membuang masa membuat semakan manual, membolehkan mereka fokus kepada aktiviti utama. ▪ Data berpusat untuk analisis: Universiti boleh menilai tahap penggunaan fasiliti dan merancang strategi pengurusan ruang dengan lebih baik. ▪ Budaya organisasi inovatif: Penggunaan sistem digital menggalakkan warga kerja menjadi lebih proaktif dan terbuka kepada teknologi baharu. ▪ Peningkatan imej UMPSA: Sistem pengurusan fasiliti yang cekap mencerminkan profesionalisme dan inovasi universiti, meningkatkan reputasi di mata pelajar, staf dan pihak luar.
--	---

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Sistem Tempahan Bilik & Fasiliti di Akademi Adab
Objektif	- Memusatkan proses tempahan bilik/fasiliti ke satu sistem digital bagi mengurangkan konflik jadual. - Memendekkan masa kelulusan tempahan kepada ≤ 2 hari bekerja selepas permohonan lengkap. - Meningkatkan ketelusan—setiap tempahan memiliki rekod, status, dan notifikasi automatik. - Mengoptimumkan kadar penggunaan bilik/fasiliti (utilization rate) sekurang-kurangnya 70% waktu operasi. - Memperkasa tadbir urus melalui SOP yang jelas, log audit, dan pematuhan keselamatan fasiliti.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Fasa 1 - Reka Bentuk & Tadbir Urus (Jan–Feb 2026) - Pemetaan proses AS-IS (cara tempahan sedia ada) & analisis jurang. - Draf TO-BE (aliran kerja baharu, peranan kelulusan, SLA, keutamaan tempahan). - Kelulusan SOP Tempahan oleh pengurusan Akademi Adab. - Inventori kemas kini bilik/fasiliti: kapasiti, peralatan (PA, projektor), waktu operasi, syarat penggunaan. Fasa 2 - Pembangunan & Konfigurasi (Mac–Apr 2026) - Membangun/konfigurasi modul e-Tempahan (kalendar masa nyata, borang digital, notifikasi). - Konfigurasi peraturan konflik jadual (double-booking prevention) & senarai semak keperluan fasiliti. - Ujian fungsi (UAT) & penambahbaikan. Fasa 3 - Pilot & Latihan (Mei–Jun 2026) - Pilot di 2–3 bilik utama (contoh: Bilik Mesyuarat Utama, Makmal Adab, Dewan Serbaguna). - Latihan pentadbir/pelulus & bengkel pengguna (staf/pelajar). - Pelaksanaan mekanisme maklum balas (survei pendek, Helpdesk/WhatsApp)

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Langkah Tindakan/Aktiviti	Fasa 4 ▪ Pelaksanaan Penuh & Penambahbaikan (Jul–Dis 2026) ▪ Pengembangan ke semua bilik/fasiliti. ▪ Pemantauan dashboard KPI (mingguan/bulanan), tindakan susulan. ▪ Audit dalaman berkala & kemas kini SOP/garis panduan. ▪ Laporan suku tahunan & pembentangan akhir Dis 2026.
Tempoh	Januari – Disember 2026
Matlamat KPI (Sasaran)	Dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cepat untuk pemakluman kepada pengguna / pengunjung ▪ SLA kelulusan tempahan: ≤ 2 hari bekerja ($\geq 90\%$ permohonan lengkap). ▪ Kadar penggunaan bilik/fasiliti: $\geq 70\%$ sepanjang waktu operasi utama. ▪ Kadar konflik jadual (double-booking): 0% selepas pelaksanaan penuh. ▪ Kadar pembatalan lewat (<24 jam): $\leq 5\%$ daripada tempahan. ▪ Kepuasan pengguna (survei): $\geq 85\%$. ▪ Masa tindak balas aduan: ≤ 48 jam, penyelesaian ≤ 5 hari bekerja ($\geq 90\%$ kes)
Sumber diperlukan	https://kemahasiswaan.ui.ac.id/fasilitas/ Sumber manusia:Penyelaras projek (Akademi Adab). Pentadbir sistem (ICT). Pegawai pelulus fasiliti/penyelenggaraan.Sokongan Helpdesk/kaunter. Teknologi: Platform e-tempahan (boleh guna <i>SharePoint/Power Apps/portal web</i> sedia ada). Kalendar masa nyata (<i>Outlook/Exchange</i> atau modul kalendar dalaman). Notifikasi e-mel/WhatsApp rasmi. Dashboard KPI (Power BI/Excel). Kewangan: Peruntukan pembangunan/konfigurasi, latihan, bahan komunikasi.Jika perlu, lesen perisian/hosting asas. Kemudahan fizikal: Penanda aras fasiliti (etiket penggunaan, kapasiti maksima, senarai peralatan). Prosedur keselamatan & SOP kemas bawa masuk peralatan.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	En. Mohd Khairulnazri bin Saidi
Jawatan	Penolong Pegawai Tadbir
Ptj	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Tempat Sangkutan	Universitas Indonesia, Indonesia
Tempoh Kelulusan	20 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Risiko & Mitigasi	R1: <i>Double-booking</i>/konflik jadual → Konfigurasi kalendar masa nyata, sekatan tempahan bertindih, logik peraturan keutamaan. R2: Data pengguna tidak tepat → Penyelarasan direktori pengguna & semakan berkala; medan wajib dalam borang. R3: Kekangan penerimaan pengguna → Latihan, video ringkas, FAQ, sokongan <i>Helpdesk</i>; fasa pilot untuk biasakan pengguna. R4: Gangguan sistem/ICT → Pelan sandaran (proses manual terpiawai), pemantauan uptime, sokongan IT. R5: Kerosakan fasiliti/peralatan → Senarai semak sebelum/selepas penggunaan, deposit atau syarat penggunaan, jadual penyelenggaraan. R6: Penyalahgunaan/penempahan tidak berkeperluan → Peraturan kelulusan bertingkat, had tempahan per pengguna, log audit.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	▪ Pemilik: Akademi Adab (Pentadbiran & Operasi). ▪ Penyelaras Projek: (dicadangkan) Staf B ▪ Rakan Pelaksana: Pusat ICT, Unit Fasiliti & Penyelenggaraan, Bendahari (jika ada aspek deposit/fi), Fakulti/Unit pengguna.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Mohd Rashid bin Abu Bakar
Jawatan	Pegawai Teknologi Maklumat
Ptj	Pusat Teknologi Digital
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Pelaksanaan <i>Helpdesk</i> Secara Bersepadu dan Pengurusan Projek Secara Portfolio
Perincian Amalan terbaik	Di MMU, permintaan perkhidmatan IT, aduan masalah, dan permohonan projek baharu disalurkan melalui <i>single point of contact (helpdesk bersepadu)</i> berasaskan sistem tiket. Pengguna tidak perlu mencari unit berlainan; semua permintaan direkod, dikategorikan dan dijejak statusnya. <i>Helpdesk</i> disokong oleh <i>knowledge base</i> dan integrasi chatbot/portal layan diri untuk soalan lazim. Pada masa yang sama, projek IT diurus secara portfolio oleh pasukan khusus (PMO/Portfolio Delivery). Setiap projek diprioritikan berdasarkan nilai (ROV), risiko, impak kepada pelajar/staf dan keselarasan dengan strategi universiti. Maklumat projek, beban kerja staf dan kemajuan dipantau secara berpusat menggunakan alat pengurusan projek/portfolio.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh menggabungkan saluran sedia ada (telefon, e-mel, WhatsApp, borang Google dan lain- lain) kepada satu helpdesk bersepadu dengan sistem tiket tunggal. Dari situ, tiket diagih secara automatik kepada jabatan berkaitan. Secara selari, UMPSA boleh menubuhkan “Mini PMO” di DiTec untuk menyenaraikan semua projek IT, menyusun keutamaan secara portfolio dan memantau perkembangan projek dan prestasi individu dengan menggunakan <i>tools</i> seperti Jira.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Warga UMPSA mendapat pengalaman perkhidmatan yang lebih jelas dan konsisten, mereka tahu ke mana perlu dirujuk dan boleh menjejak status permohonan. Ini mengurangkan kekeliruan, dan aduan berulang. Dari sudut organisasi, DiTec mempunyai gambaran menyeluruh tentang beban kerja, SLA dan prestasi perkhidmatan, sekali gus memudahkan perancangan sumber dan latihan. Pengurusan projek secara portfolio pula membantu universiti membuat keputusan pelaburan digital yang lebih strategik, mengelak pertindihan sistem dan memastikan projek yang paling memberi nilai kepada pelajar, pensyarah dan operasi diberi keutamaan.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Mohd Rashid bin Abu Bakar
Jawatan	Pegawai Teknologi Maklumat
Ptj	Pusat Teknologi Digital
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Pelaksanaan <i>Helpdesk</i> Secara Bersepadu dan Pengurusan Projek Secara Portfolio
Objektif	Pelaksanaan pelaporan aduan bersepadu & berintegrasi untuk kegunaan warga UMPSA
Langkah Tindakan/Aktiviti	Langgan perisian / pembangunan dalaman
Tempoh	1-2 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	Warga UMPSA
Sumber diperlukan	- Tenaga Dalaman (Pembangunan) - Langganan Perisian
Risiko & Mitigasi	- Penerimaan jabatan - Mitigasi pelaksanaan secara <i>top- down approach</i>
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	DiTec

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Mohd Rashid bin Abu Bakar
Jawatan	Pegawai Teknologi Maklumat
Ptj	Pusat Teknologi Digital
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 2				
Nama Amalan terbaik	Model	Sokongan	PdP	"Teaching Emergency Support" & Smart Classroom
Perincian Amalan terbaik	MMU melaksanakan konsep <i>smart classroom</i> dengan TV di stesen pensyarah dan pelajar, visualiser, sistem rakaman kuliah dan rekod kehadiran. Sokongan PdP disokong oleh pasukan <i>teaching emergency support</i> yang ditempatkan secara zon mengikut bangunan, dengan SLA sekitar 10–15 minit untuk menyelesaikan masalah. Jika isu tidak dapat ditangani segera, kelas dipindah ke bilik lain bagi meminimumkan gangguan pembelajaran.			
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh memulakan projek perintis <i>smart classroom</i> di beberapa bilik kuliah terpilih menggunakan pendekatan <i>mock-up</i> dahulu sebelum pelaburan skala besar. Sokongan zon boleh dijadualkan menggunakan kakitangan teknikal sedia ada, disepadukan dengan sistem tiket dan pemantauan ringkas.			
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Meningkatkan imej kampus sebagai persekitaran pembelajaran moden dan menyokong inisiatif branding universiti. Dalam masa yang sama, DiTec akan membina kepakaran dalaman dalam reka bentuk dan penyelenggaraan <i>smart classroom</i> . Menjamin kelangsungan PdP apabila berlaku gangguan teknikal, sekali gus meningkatkan keyakinan pensyarah terhadap penggunaan teknologi.			

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Mohd Rashid bin Abu Bakar
Jawatan	Pegawai Teknologi Maklumat
Ptj	Pusat Teknologi Digital
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Model Sokongan PdP “ <i>Teaching Emergency Support</i> ” & <i>Smart Classroom</i>
Objektif	▪ Penambahbaikan sokongan teknikal untuk PdP ▪ Menaiktaraf BKDK ke arah <i>smart & hybrid classroom</i>
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Penambahbaikan dalaman ▪ Perancangan strategik secara <i>mock-up</i> dan berfasa
Tempoh	1-3 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ Pengurusan Dalaman ▪ Pensyarah & Pelajar
Sumber diperlukan	▪ Tenaga Dalaman(sokongan PdP) ▪ Sumber Luaran (RMK)
Risiko & Mitigasi	▪ Kelulusan sumber luaran ▪ Mitigasi pelaksanaan secara berfasa dan berfokus
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	DiTec

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Mohd Rashid bin Abu Bakar
Jawatan	Pegawai Teknologi Maklumat
Ptj	Pusat Teknologi Digital
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 3	
Nama Amalan terbaik	Model <i>High Performance Computing</i> (HPC) Berasaskan Awan untuk Penyelidikan
Perincian Amalan terbaik	MMU membangunkan HPC berasaskan awan (<i>Azure CycleCloud, Open OnDemand, Slurm</i>) selepas mendapati pembelian PC berkuasa tinggi oleh pensyarah menyebabkan pembaziran dan kekurangan kuasa pengkomputeran sebenar. HPC dibiayai bersama oleh ITD, Jabatan Penyelidikan dan university, permohonan penyelidik dinilai dan diluluskan oleh jawatankuasa khusus. Pendekatan ini meningkatkan keupayaan penyelidikan tanpa perlu pelaburan besar terhadap perkakasan fizikal individu.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh memulakan kajian kemungkinan untuk mewujudkan “HPC lite” berasaskan awan sebagai lanjutan daripada pengalaman VDI yang sedia ada. Projek rintis boleh memfokuskan beberapa kumpulan penyelidik terpilih dengan model kos kongsi antara geran penyelidikan dan universiti. Sebuah jawatankuasa kecil boleh dibentuk bagi meluluskan permohonan, memantau penggunaan dan menyediakan garis panduan keselamatan dan pengurusan sumber.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Mengoptimumkan dana geran penyelidikan dengan mengurangkan keperluan pembelian pelayan fizikal individu dan menyediakan keupayaan pengkomputeran yang boleh diskala mengikut keperluan. Meningkatkan daya saing penyelidik UMPSA dalam menjalankan simulasi kompleks dan analitik data besar, sekali gus menyumbang kepada peningkatan reputasi penyelidikan dan kolaborasi dengan industri/rakan antarabangsa. Pada masa sama, DiTec membina kepakaran strategik dalam pengurusan sumber pengkomputeran berprestasi tinggi.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Mohd Rashid bin Abu Bakar
Jawatan	Pegawai Teknologi Maklumat
Ptj	Pusat Teknologi Digital
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Model <i>High Performance Computing</i> (HPC) Berasaskan Awan untuk Penyelidikan
Objektif	Sokongan teknikal dengan penyediaan sumber untuk penyelidikan
Langkah Tindakan/Aktiviti	Perancangan strategic secara <i>mock-up</i> dan berfasa
Tempoh	2 - 3 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	Pensyarah & Penyelidik
Sumber diperlukan	▪ Dana Penyelidikan ▪ Sumber Luaran (RMK)
Risiko & Mitigasi	▪ Penerimaan penyelidik ▪ Mitigasi pelaksanaan secara polisi dan <i>top- down approach</i>
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	DiTec

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ir. Mohd Azreen bin Yaacob
Jawatan	Jurutera
Ptj	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), UK
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	<i>Smart Meter Energy And Dashboard</i>
Perincian Amalan terbaik	Amalan ini melibatkan pemasangan smart meter di setiap bangunan bagi memantau penggunaan tenaga elektrik. Data yang dikumpulkan dihantar ke sistem <i>Energy Management Dashboard</i> yang memaparkan corak penggunaan. Sebarang peningkatan dalam penggunaan secara harian dapat diketahui secara terus tanpa menunggu bil.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Boleh dilaksanakan secara berperingkat di UMPSA melibatkan bangunan yang tinggi penggunaan elektrik.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Dapat menjimatkan bil elektrik dan membuat tindakan dengan segera apabila mendapati bacaan elektrik meningkat dengan mendadak pada satu-satu masa. ▪ Boleh mematuhi akta EECA yang akan dilaksanakan pada tahun 2026. Pada 2026 setiap bangunan perlu mempamerkan Energy Efficiency Rating (EER)

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>Smart Meter Energy And Dashboard</i>
Objektif	Mengesan dan mengawal penggunaan elektrik secara <i>real-time</i> .
Langkah Tindakan/Aktiviti	Pasang <i>smart meter</i> → sambung ke <i>dashboard</i> → analisis penggunaan.ngadaptasi 3 bentuk program seperti yang dijalankan MCUT
Tempoh	1 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ Pengurangan 5–10% penggunaan elektrik. ▪ Semua bangunan utama mempunyai smart meter.
Sumber diperlukan	<i>Smart meter, dashboard, staf teknikal & ICT.</i>
Risiko & Mitigasi	Tiada peruntukan
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	PPPH, DiTec

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ir. Mohd Azreen bin Yaacob
Jawatan	Jurutera
Ptj	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), UK
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 2

Nama Amalan terbaik	<i>Digital Compilation Of As Build Drawing</i>
Perincian Amalan terbaik	Setiap pelan, skematik, dan dokumen berkaitan projek dikumpul, diindeks, dan disimpan dalam format digital yang mudah diakses oleh staf teknikal dan pengurusan. Pendekatan ini menggantikan sistem fizikal yang memerlukan ruang penyimpanan besar dan menyukarkan capaian maklumat.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	▪ Menggunakan sistem pengurusan dokumen digital sedia ada (SMART F) di UMPSA untuk memuat naik semua lukisan "as-built" bangunan kampus. ▪ Menetapkan standard format dan penamaan fail bagi memudahkan pencarian dan rujukan. ▪ Melatih staf teknikal dan penyelenggaraan UMPSA untuk mengakses dan mengemaskini dokumen secara digital melalui portal yang selamat. ▪ Integrasi dengan CMMS (<i>Computerized Maintenance Management System</i>) untuk membolehkan rujukan terus ketika melakukan kerja penyelenggaraan.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Mempercepatkan proses rujukan lukisan dan dokumen projek serta meningkatkan kecekapan staf penyelenggaraan dalam melaksanakan kerja kerana maklumat tersedia dengan pantas dan tepat.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>Digital Compilation Of As Build Drawing (SMART F)</i>
Objektif	Memusatkan semua lukisan as-built dalam bentuk digital.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Kumpul → imbas → indeks → upload ke SMART F.
Tempoh	1 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	100% lukisan bangunan utama didigitalkan.
Sumber diperlukan	4 orang pelajar iktisas
Risiko & Mitigasi	Tiada peruntukan
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	PPPH

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ir. Mohd Azreen bin Yaacob
Jawatan	Jurutera
Ptj	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), UK
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 3

Nama Amalan terbaik	Sistem Aplikasi Mobile Untuk CMMS
Perincian Amalan terbaik	Melalui aplikasi ini, seluruh proses penyenggaraan dapat dikendalikan di atas talian, termasuk: ▪ Pengguna kampus membuat aduan kerosakan dengan gambar & lokasi ▪ Juruteknik menerima work order secara langsung di telefon ▪ Kemaskini status kerja (<i>in-progress</i>, <i>completed</i>) secara masa nyata ▪ Rekod aset dapat diakses di tapak (<i>on-site</i>) ▪ Pengesahan kerja boleh dilakukan tanpa dokumen manual ▪ Laporan automatik dijana berdasarkan data penyenggaraan
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Boleh dilaksanakan di UMPSA dengan bantuan pihak DiTec.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Mempercepatkan respons, meningkatkan ketelusan kerja teknikal dan mengurangkan kebergantungan pada borang manual

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Sistem Aplikasi Mobile Untuk CMMS
Objektif	Memudahkan laporan kerosakan & task penyelenggaraan melalui telefon.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Bangunkan aplikasi → integrasi work order → latihan staf.
Tempoh	1 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	90% proses penyelenggaraan dilaksana secara melalui aplikasi.
Sumber diperlukan	Boleh dilaksanakan secara dalaman bersama pihak DiTec atau <i>out source</i> .
Risiko & Mitigasi	Tiada peruntukan
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	PPPH, DiTec

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ir. Mohd Azreen bin Yaacob
Jawatan	Jurutera
Ptj	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), UK
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 4

Nama Amalan terbaik	Pengurangan <i>Schedule Of Accommodation</i> (SOA) bagi bilik pegawai dan staf serta meningkatkan ruangan gunasama.
Perincian Amalan terbaik	Amalan ini melibatkan penilaian semula dan pengoptimuman <i>Schedule of Accommodation</i> (SOA) di kampus untuk mengurangkan bilangan bilik peribadi pegawai dan staf yang tidak kritikal serta meningkatkan ruang gunasama seperti bilik mesyuarat, ruang rehat, bilik perbincangan, dan kawasan social/lounge. Matlamatnya ialah meningkatkan penggunaan ruang secara efisien, memaksimumkan interaksi antara staf, dan menyokong suasana kerja yang lebih dinamik dan kolaboratif.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Boleh cuba untuk dilaksanakan bagi bangunan baru dan sebarang kerja menaiktaraf ruang sedia ada. Namun begitu perlu mematuhi garis panduan Kementerian Ekonomi.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Penggunaan ruang lebih efisien dan mengurangkan kos penyelenggaraan serta operasi.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Pengurangan <i>Schedule Of Accommodation</i> (SOA) bagi bilik pegawai dan staf serta meningkatkan ruangan gunasama.
Objektif	Mengoptimumkan bilik pejabat & menambah ruang gunasama.
Langkah Tindakan/Aktiviti	Menyediakan 1 standard bagi bilik pegawai dan staf.
Tempoh	6 bulan
Matlamat KPI (Sasaran)	20% Penjimatan kos projek dan penyelenggaraan
Sumber diperlukan	Tiada
Risiko & Mitigasi	Tidak diluluskan semasa sesi <i>Value Engineering</i> bersama EPU
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	PPPH, Pengurusan UMPSA

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Dr. Mohd Hanafiah bin Ahmad
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Pengurusan Industri
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 1	
Nama Amalan terbaik	Reka bentuk kurikulum berpaksikan piawaian profesional
Perincian Amalan terbaik	Di MMU, kursus pengurusan projek disusun terus merujuk kepada kompetensi badan profesional seperti <i>Association for Project Management</i> (APM). Setiap CLO, aktiviti pembelajaran dan kaedah penilaian dipetakan kepada standard tersebut secara jelas dan disemak berkala dengan input industri. Ini memastikan kandungan kursus sentiasa relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh membangunkan pemetaan CLO–kompetensi profesional untuk kursus teras di FIM,. Pemetaan boleh digunakan semasa semakan kurikulum dan dijadikan rujukan utama penyediaan bukti kepada MQA/badan akreditasi. Latihan ringkas kepada pensyarah tentang cara memetakan CLO kepada kerangka kompetensi juga boleh dilaksanakan.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pensyarah mempunyai panduan lebih tersusun untuk menggubal dan menyelaras CLO, manakala pelajar lebih jelas kompetensi profesional yang dibangunkan sepanjang pengajian. Ini mengukuhkan kualiti kurikulum, memudahkan proses akreditasi dan meningkatkan kebolehpasaran graduan kerana profil kemahiran mereka selari dengan standard industri.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Dr. Mohd Hanafiah bin Ahmad
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Pengurusan Industri
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Pemetaan CLO–Kompetensi Profesional FIM.
Objektif	Menyelaraskan kursus teras FIM dengan piawaian profesional antarabangsa bagi meningkatkan kualiti kurikulum dan kebolehpasaran graduan.
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Kenal pasti kursus teras yang berkaitan ▪ Pilih kerangka kompetensi profesional yang relevan ▪ Bengkel dalaman pemetaan CLO–kompetensi profesional bersama pensyarah kursus ▪ Semak dan kemas kini dokumen course file, rubrik penilaian ▪ Sahkan pemetaan di peringkat fakulti dan simpan sebagai bukti akreditasi
Tempoh	6–9 bulan (jangka pendek: 1 tahun akademik).
Matlamat KPI (Sasaran)	Sekurang-kurangnya 80% kursus teras program FIM mempunyai pemetaan CLO–kompetensi profesional yang lengkap dan disahkan.
Sumber diperlukan	Fasilitator bengkel, bahan rujukan badan profesional, ruang mesyuarat/bengkel, sokongan pentadbiran akademik.
Risiko & Mitigasi	Risiko: Komitmen masa pensyarah terhad; kurang kefahaman awal tentang kerangka kompetensi. Mitigasi: Jadualkan bengkel semasa minggu tanpa kuliah; sediakan panduan ringkas dan contoh pemetaan; lantik “<i>champion</i>” program sebagai rujukan.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Timbalan Dekan Akademik & Antarabangsa, Ketua Program berkaitan.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Dr. Mohd Hanafiah bin Ahmad
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Pengurusan Industri
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Pengurusan kolaborasi universiti–industri berasaskan kerangka KTP.
Perincian Amalan terbaik	MMU menggunakan kerangka <i>Knowledge Transfer Partnership</i> (KTP) untuk merancang, melaksana dan menilai projek bersama industri. Setiap projek mempunyai objektif jelas, indikator impak (contoh: penjimatan kos, produktiviti, inovasi, pembangunan bakat), garis masa dan pemantauan berkala. Fokus utama ialah impak sebenar kepada organisasi, bukan hanya bilangan MoU atau projek.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Di UMPSA, semua projek bersama agensi kerajaan negeri, GLC dan industri boleh distruktur semula menggunakan “ <i>mini-KTP framework</i> ” yang ringkas. Template standard disediakan – merangkumi isu utama, output yang disasar, indikator impak, peranan staf/pelajar dan pelan pemantauan. Template ini digunakan dalam cadangan projek baharu dan laporan akhir kerjasama di peringkat fakulti dan universiti.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Kolaborasi universiti–industri menjadi lebih fokus, terancang dan mudah diukur impaknya. Pensyarah mendapat struktur jelas untuk merancang projek berimpak tinggi dan menjana penerbitan/geran susulan. Universiti pula memperoleh data konkrit bagi laporan prestasi, penarafan dan justifikasi pembiayaan, sekali gus mengukuhkan reputasi UMPSA sebagai rakan strategik industri.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Dr. Mohd Hanafiah bin Ahmad
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Pengurusan Industri
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Pelaksanaan Template “Mini-KTP” untuk Projek Kerjasama Industri
Objektif	Menstruktur dan menilai semua projek kerjasama industri/agensi secara lebih sistematik dan berasaskan impak.
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Bangunkan template “mini-KTP” yang ringkas (isu utama, objektif, output, indikator impak, peranan staf/pelajar, garis masa). ▪ Bentang dan luluskan template di Mesyuarat Fakulti/Jawatankuasa Penyelidikan. ▪ Wajibkan penggunaan template untuk semua cadangan projek baharu dengan industri/agensi kerajaan. ▪ Kumpulkan laporan akhir projek menggunakan template sama bagi tujuan dokumentasi dan analisis impak. ▪ Sediakan ringkasan tahunan projek mini-KTP untuk laporan fakulti dan universiti.
Tempoh	12 bulan (pelaksanaan penuh dalam 1 tahun kalendar)
Matlamat KPI (Sasaran)	100% projek kerjasama industri baharu di FIM menggunakan template mini-KTP, sekurang-kurangnya 5 projek melaporkan impak kuantitatif (contoh penjimatan kos, peningkatan produktiviti atau inovasi).
Sumber diperlukan	Sokongan Pejabat Penyelidikan & Inovasi, sistem simpanan dokumen (Google Drive/portal dalaman).
Risiko & Mitigasi	Risiko: Pensyarah merasakan template menambah beban dokumentasi; penggunaan tidak konsisten. Mitigasi: Ringkaskan template kepada 1–2 muka surat; beri latihan singkat; jadikan penggunaan template syarat kelulusan projek di peringkat fakulti.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) / Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Dr. Mohd Hanafiah bin Ahmad
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Pengurusan Industri
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 3	
Nama Amalan terbaik	Pengajaran berasaskan simulasi dan <i>living lab</i>
Perincian Amalan terbaik	Di MMU, simulasi <i>Green Bee Events</i> dan persekitaran imersif digunakan untuk melatih pelajar mengurus acara hijau dan operasi dalam suasana hampir dunia sebenar. Pelajar membuat keputusan berkaitan kewangan, aliran pengunjung, kelestarian dan operasi, kemudian menganalisis data yang dijana untuk refleksi dan penambahbaikan. Kaedah ini menggabungkan teori, praktikal dan analitik data dalam satu pengalaman pembelajaran.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Sebagai permulaan, pensyarah boleh membangunkan tugas simulasi menggunakan alat sedia ada seperti <i>Google Sheets</i> , <i>Google Forms</i> atau platform simulasi ringan bagi kursus projek, acara dan operasi. Projek sebenar di kampus (contoh: program fakulti, acara sukan, program komuniti) boleh dijadikan <i>living lab</i> dengan data sebenar dikumpul dan dianalisis oleh pelajar. Dalam jangka sederhana, UMPSA boleh meneroka modul bersama atau adaptasi simulasi dengan MMU.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pengajaran menjadi lebih autentik, interaktif dan berasaskan data, sekali gus meningkatkan penglibatan pelajar dan kemahiran penyelesaian masalah, kerja berpasukan serta refleksi kritikal. Pensyarah memperoleh platform kukuh untuk kajian tindakan dan penyelidikan pedagogi, manakala UMPSA dapat membezakan programnya sebagai program yang menekankan pengalaman sebenar dan kesediaan graduan menghadapi dunia kerja.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Dr. Mohd Hanafiah bin Ahmad
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Pengurusan Industri
Tempat Sangkutan	Manchester Metropolitan University (MMU), United Kingdom
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Integrasi Simulasi & <i>Living Lab</i>
Objektif	Meningkatkan penglibatan pelajar dan kemahiran penyelesaian masalah melalui pengajaran berasaskan simulasi dan data sebenar.
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Kenal pasti 2–3 kursus peringkat ijazah yang sesuai untuk integrasi simulasi/living lab. ▪ Reka bentuk tugas simulasi menggunakan alat sedia ada (<i>Google Sheets, Forms</i>, dan sebagainya). ▪ Pilih satu projek sebenar kampus (contoh: program fakulti/acara sukan) sebagai <i>living lab</i> dan rangka peranan pelajar. ▪ Laksanakan tugas dan aktiviti living lab dalam semester terpilih; kumpul data prestasi dan maklum balas pelajar. ▪ Refleksi dan penambahbaikan tugas untuk semester seterusnya; dokumentasikan sebagai kajian tindakan/paper pedagogi.
Tempoh	2 semester (12–18 bulan)
Matlamat KPI (Sasaran)	Sekurang-kurangnya 3 kursus melaksanakan tugas simulasi/ <i>living lab</i> ; ≥70% pelajar melaporkan peningkatan kefahaman praktikal (melalui soal selidik); sekurang-kurangnya 1 kertas persidangan/artikel pedagogi dihasilkan.
Sumber diperlukan	Sokongan teknikal <i>Google Workspace/ICT</i> , akses kepada data acara kampus, bantuan urusetia program/fakulti, sedikit bajet logistik jika perlu.
Risiko & Mitigasi	Risiko: Kekangan masa dalam semester; isu koordinasi antara kursus dan pihak penganjur acara. Mitigasi: Pilih kursus dengan komponen projek sedia ada; rancang awal dengan kalender acara fakulti; mulakan dengan skala kecil (pilot) sebelum diperluas.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Ketua Program terlibat / Pensyarah berkaitan

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Faizal bin Ab Razak
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Komputeran
Tempat Sangkutan	Kansai University & Mie University, Jepun
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Kolaborasi Berfokus Mengikut Kepakaran
Perincian Amalan terbaik	Kerjasama yang mempunyai skop supaya hasil penyelidikan lebih tersusun dan berimpak.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	- Menubuhkan kluster penyelidikan berfokus. - Menggabungkan penyelidik FK bersama fakulti lain.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Penyelarasan kepakaran individu, meningkatkan produktiviti penyelidikan.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Perbincangan Penyelidikan Berfokus
Objektif	Menyelaraskan fokus penyelidikan secara berkala
Langkah Tindakan/Aktiviti	- Adakan mesyuarat setiap 1 bulan. - Berkongsi perkembangan penyelidikan melalui <i>Google Drive</i> bersama. - Menyimpan minit ringkas selepas setiap mesyuarat.
Tempoh	Setiap 6 bulan
Matlamat KPI (Sasaran)	1 idea penyelidikan bersama dihasilkan bagi menghasilkan journal bagi setiap semester
Sumber diperlukan	<i>Google Meet</i> <i>Google Drive</i> 1 jam per perbincangan
Risiko & Mitigasi	Ketiadaan komitmen
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Penyelidik / Supervisor

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Faizal bin Ab Razak
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Komputeran
Tempat Sangkutan	Kansai University & Mie University, Jepun
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Demonstrasi <i>Hands-on</i> untuk Pemindahan Ilmu
Perincian Amalan terbaik	Pembelajaran melalui demonstrasi praktikal seperti meningkatkan kefahaman.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Mengintegrasikan aktiviti praktikal ke dalam kurikulum & projek.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Menjadi pusat latihan teknologi canggih; meningkatkan daya tarikan akademik.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Sesi Perkongsian Ilmu Mikro (<i>Micro Knowledge Sharing</i>)
Objektif	Memindahkan pengetahuan secara ringkas kepada staf dan pelajar
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Sesi 20–30 minit secara fizikal/online ▪ Perkongsian ringkas tentang pengalaman kajian
Tempoh	Bulanan
Matlamat KPI (Sasaran)	4 sesi setahun
Sumber diperlukan	Bilik kuliah / Dewan Kuliah / <i>Google Meet</i>
Risiko & Mitigasi	Kurang kehadiran
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pensyarah / Penyelidik

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Faizal bin Ab Razak
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Komputeran
Tempat Sangkutan	Kansai University & Mie University, Jepun
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 3	
Nama Amalan terbaik	Pelan Susulan Sistematis
Perincian Amalan terbaik	Menetapkan struktur susulan seperti mesyuarat berkala, roadmap sesuatu perkara & semakan bersama.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Merancang strategi dengan pemantauan KPI, garis masa jelas dan dokumentasi lengkap.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Kerjasama yang konsisten, kukuh & produktif untuk membina reputasi UMPSA.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Laporan Kemaskini Kolaborasi Suku Tahun
Objektif	Memastikan kesinambungan kerja secara konsisten
Langkah Tindakan/Aktiviti	- Menyediakan laporan ringkas 1 muka surat - Melapor perkembangan: mesyuarat, idea projek, penelitian bersama
Tempoh	Setiap 3 bulan
Matlamat KPI (Sasaran)	4 laporan setahun
Sumber diperlukan	- Masa 1 jam setiap 3 bulan - Template laporan ringkas
Risiko & Mitigasi	Laporan tertangguh
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Penyelidik

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Rohayu binti Jusoh
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses
Tempat Sangkutan	Kansai University & Mie University, Jepun
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Budaya Kerja yang Teratur, Menepati Masa dan Berstruktur
Perincian Amalan terbaik	Di universiti Jepun, budaya kerja yang teratur sangat jelas dapat dilihat. Antara ciri utama yang diperhatikan ialah: ▪ Mesyuarat, kuliah dan sesi makmal bermula dan tamat tepat pada masa. ▪ Agenda perbincangan jelas, ringkas dan terus kepada perkara penting, tanpa perbincangan yang meleret atau menyimpang daripada tujuan asal. ▪ Bagi aktiviti penyelidikan dan permohonan geran, lazimnya terdapat tatacara kerja yang terancang, termasuk perbincangan awal yang terfokus, kerja bersama skala kecil serta penjajaran peranan setiap pihak sebelum geran dipohon secara bersama.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Memantapkan pengurusan mesyuarat penyelidikan dan mobiliti di peringkat fakulti dengan: ▪ penetapan agenda mesyuarat yang jelas ▪ tempoh masa mesyuarat yang realistik dan dipatuhi ▪ rekod mesyuarat yang ringkas dengan penekanan kepada keputusan dan tindakan susulan Memperkenalkan tatacara pra-geran di peringkat fakulti atau kluster penyelidikan yang meliputi: ▪ perbincangan awal dan penetapan fokus ▪ aktiviti kerjasama awal (contohnya perkongsian data, lawatan makmal atau projek kecil) ▪ pemurnian objektif dan pembahagian peranan ▪ penyediaan dan penghantaran permohonan geran Menggalakkan semua cadangan geran bersama dengan universiti rakan (terutamanya Kansai University dan Mie University) menggunakan tatacara pra-geran ini.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Impak kepada UMPSA ▪ Mengukuhkan budaya kerja yang profesional, cekap dan berdisiplin. ▪ Meningkatkan kualiti serta kebarangkalian kejayaan permohonan geran bersama dengan rakan kerjasama antarabangsa.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Rohayu binti Jusoh
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses
Tempat Sangkutan	Kansai University & Mie University, Jepun
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Pemantapan Budaya Kerja Berstruktur dan Tatacara Pra- Permohonan Geran
Objektif	Mengadaptasi budaya kerja yang teratur dan berstruktur dalam permohonan geran bersama.
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Membangunkan tatacara pra- geran yang merangkumi perbincangan awal, aktiviti kerjasama awal, pemurnian objektif dan penyediaan proposal. ▪ Mengaplikasikan tatacara pra- geran ini sekurang- kurangnya kepada satu permohonan geran bersama dengan Kansai University atau Mie University.
Tempoh	-
Matlamat KPI (Sasaran)	Sekurang-kurangnya satu permohonan geran bersama disediakan berpandukan tatacara pra- permohonan geran.
Sumber diperlukan	-
Risiko & Mitigasi	-
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	-

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Rohayu binti Jusoh
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses
Tempat Sangkutan	Kansai University & Mie University, Jepun
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Hubungan Rapat dengan Industri dan Penyelidikan Berorientasikan Penyelesaian Masalah Sebenar
Perincian Amalan terbaik	Penyelidikan di universiti Jepun pada umumnya sangat rapat kaitannya dengan keperluan industri dan masyarakat. Antara ciri penting yang diperhatikan ialah: ▪ Banyak projek penyelidikan yang mempunyai hubungan jelas dengan isu sebenar, seperti bahan untuk kelestarian alam sekitar, tenaga lestari, teknologi kesihatan dan sebagainya. ▪ Terdapat kecenderungan kuat untuk berfikir tentang siapa pengguna akhir dan apakah kesan sebenar sesuatu penyelidikan, bukan sekadar menghasilkan penerbitan semata-mata.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	▪ Menggalakkan lebih banyak projek bersama industri dijadikan tajuk projek tahun akhir dan projek penyelidikan siswazah, terutamanya dalam bidang yang seiring dengan kekuatan UMPSA. ▪ Menjadikan relevan kepada pengguna, industri atau masyarakat sebagai salah satu kriteria utama pemilihan tajuk projek dan fokus penyelidikan. ▪ Mengundang wakil industri untuk terlibat sebagai penilai luar atau panel penasihat bagi projek terpilih, serta meneroka peluang penyeliaan bersama.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Menambah baik kesesuaian graduan terutama pascasiswazah dengan keperluan pasaran kerja. ▪ Mengukuhkan kedudukan UMPSA sebagai universiti yang menyumbang secara langsung kepada penyelesaian masalah sebenar masyarakat dan industri.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Rohayu binti Jusoh
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses
Tempat Sangkutan	Kansai University & Mie University, Jepun
Tempoh Kelulusan	27 hingga 31 Oktober 2025



AMALAN TERBAIK 3	
Nama Amalan terbaik	Pelajar Berdikari dan Proaktif dalam Penyelidikan
Perincian Amalan terbaik	Pelajar di universiti Jepun, khususnya pelajar tahun akhir dan pascasiswazah, dilihat sangat berdikari dan proaktif dalam penyelidikan. Antara ciri yang ketara ialah: ▪ Pelajar lazimnya diberi tanggungjawab khusus di makmal, sebagai contoh, menjaga satu set eksperimen, mengendalikan atau menyelia penggunaan sesuatu peralatan, dan bertindak sebagai “mentor” kepada pelajar junior dalam kumpulan penyelidikan. ▪ Pelajar dibiasakan membuat bacaan dan kajian literatur sendiri, kemudian datang kepada penyelia dengan cadangan dan idea, bukannya menunggu arahan sepenuhnya daripada penyelia.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	▪ Mengukuhkan peranan pelajar projek tahun akhir dan pelajar pascasiswazah sebagai “pelajar bertanggungjawab” terhadap eksperimen atau peralatan tertentu di makmal, dengan pemantauan rapi oleh staf akademik dan teknikal. ▪ Memperluas pelaksanaan program penyelidikan prasiswazah, di mana pelajar dipadankan dengan kumpulan penyelidikan sejak awal pengajian dan terlibat secara berterusan dalam aktiviti makmal. ▪ Menggalakkan penganjuran mesyuarat makmal atau sesi pembentangan kemajuan secara berkala, di mana pelajar membentangkan dapatan, cadangan dan hala tuju penyelidikan mereka.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Menghasilkan pelajar yang lebih matang, yakin dan bersedia menyertai dunia penyelidikan atau industri berteknologi tinggi. ▪ Mengukuhkan asas pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Dr. Ahmad Firdaus bin Zainal Abidin
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Komputeran
Tempat Sangkutan	Chonnam National University (CNU), Korea
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Penyediaan brochure fakulti di lobi untuk pengunjung
Perincian Amalan terbaik	Semasa saya berkunjung di Fakulti <i>Artificial Intelligence</i> (AI) di Chonnam National University (CNU), saya dapati banyak brosur disediakan di lobi fakulti yang memberikan maklumat untuk promosi fakulti tersebut seperti pengenalan fakulti, jenis program yang disediakan fakulti, nama staf, dan sebagainya.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh melaksanakan amalan ini dengan menyediakan brosur rasmi fakulti di setiap lobi fakulti dan bangunan utama universiti. Brosur tersebut boleh memaparkan maklumat ringkas berkaitan fakulti, program akademik yang ditawarkan, bidang kepakaran staf akademik, kemudahan fakulti serta pencapaian fakulti. Kandungan brosur boleh direka dalam format yang ringkas, menarik dan mudah difahami serta dikemas kini secara berkala supaya maklumat sentiasa relevan dan tepat.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pelaksanaan amalan ini dapat meningkatkan keterlihatan (visibility) fakulti kepada pelawat luar, ibu bapa, bakal pelajar serta pihak industri. Ia juga membantu memperkukuh imej profesional UMPSA sebagai sebuah universiti yang sistematik dan mesra pengunjung. Selain itu, ia memudahkan penyampaian maklumat tanpa memerlukan interaksi langsung dengan staf, menjimatkan masa warga kerja serta menyokong usaha promosi dan penjenamaan universiti secara lebih efektif.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Dr. Ahmad Firdaus bin Zainal Abidin
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Komputeran
Tempat Sangkutan	Chonnam National University (CNU), Korea
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 2

Nama Amalan terbaik	Penyediaan tong sampah berasingan mengikut kategori (<i>Plastic, Paper, Glass & Can</i>)
Perincian Amalan terbaik	Pihak Chonnam National University (CNU) menyediakan tong sampah yang dikhaskan mengikut kategori bahan buangan seperti plastik, kertas, kaca dan tin di kawasan bangunan fakulti dan ruang awam. Setiap tong dilabel dengan jelas menggunakan teks dan ikon bagi memudahkan pengguna mengenal pasti jenis sisa yang perlu dibuang. Susun atur tong yang kemas dan konsisten ini membantu menggalakkan amalan pengasingan sisa di punca dalam kalangan warga kampus.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA telahpun melaksanakan sistem pengasingan sisa dengan menyediakan tong sampah berasingan mengikut kategori utama di setiap aras bangunan, kafeteria, pejabat dan kawasan tumpuan pelajar. Label tong telah disesuaikan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan visual yang mesra pengguna. Program kesedaran seperti kempen kitar semula, taklimat ringkas kepada pelajar baharu serta insentif hijau boleh diperkenalkan bagi meningkatkan pematuhan dan penglibatan warga universiti.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pelaksanaan amalan ini dapat mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan, meningkatkan kadar kitar semula dan menyokong agenda kelestarian kampus hijau UMPSA. Ia juga memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan warga kampus, mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan teratur serta memperkukuh imej UMPSA sebagai universiti yang bertanggungjawab terhadap kelestarian dan pembangunan mampan.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Dr. Ahmad Firdaus bin Zainal Abidin
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Komputeran
Tempat Sangkutan	Chonnam National University (CNU), Korea
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 3

Nama Amalan terbaik	Penyediaan risalah peta poket kompak (<i>Compact Pocket Map</i>) sebagai panduan navigasi pelawat.
Perincian Amalan terbaik	Semasa saya berkunjung ke Fakulti <i>Artificial Intelligence</i> (AI) di Chonnam National University (CNU), saya menerima satu risalah berbentuk petak kecil (saiz saku). Apabila lipatan risalah itu dibuka, ia menjadi saiz poster yang memaparkan keseluruhan peta kampus CNU dengan jelas. Ia turut mengandungi maklumat penting seperti senarai fakulti, kemudahan, laluan sejarah, dan nombor perhubungan penting dalam format yang sangat praktikal, mudah disimpan, dan dibawa ke mana-mana.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	▪ Rekabentuk "Z-Card" atau Lipatan Peta Menghasilkan peta fizikal bagi kedua-dua kampus (UMPSA Pekan dan Gambang) menggunakan teknik lipatan kekal (map fold) yang menjadikan saiz akhirnya kecil (sebesar kad nama atau passport) agar mudah disimpan di dalam poket pelajar atau pelawat. ▪ Integrasi Fizikal & Digital Meletakkan Kod QR pada peta tersebut yang pautannya terus ke Google Maps atau Waze bagi lokasi bangunan spesifik, serta pautan ke laman web fakulti utama. ▪ Informasi Berpusat Selain peta lokasi, risalah perlu memuatkan jadual perjalanan bas universiti, senarai kafe, lokasi masjid, perpustakaan, dan nombor talian kecemasan keselamatan UMPSA. ▪ Zon "Landmark" UMPSA Menyerlahkan kawasan tumpuan seperti tasik, kompleks sukan, dan bangunan canselori sebagai titik rujukan utama dalam peta tersebut.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Dr. Ahmad Firdaus bin Zainal Abidin
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Komputeran
Tempat Sangkutan	Chonnam National University (CNU), Korea
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 3

Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Meningkatkan Imej Korporat Memperlihatkan UMPSA sebagai universiti yang profesional, tersusun, dan meraikan tetamu (<i>hospitality</i>) dengan menyediakan panduan yang berkualiti tinggi. ▪ Memudahkan Navigasi Membantu pelawat luar, ibu bapa, pelajar baharu (terutamanya semasa minggu orientasi), dan delegasi industri mencari lokasi dengan cepat tanpa perlu sentiasa bertanya arah, terutamanya jika liputan internet di sesetengah kawasan kurang stabil. ▪ Kebolehcapaian Maklumat (<i>Accessibility</i>) Memastikan maklumat penting universiti berada di hujung jari secara fizikal, yang mana ia lebih pantas untuk dirujuk sepintas lalu berbanding perlu melayari laman web yang kompleks. ▪ Kos Efektif & Tahan Lama Risalah bersaiz kecil lebih menjimatkan kos percetakan berbanding buku program tebal dan pelawat cenderung untuk menyimpannya sebagai rujukan masa hadapan berbanding membuangnya.
--	--

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Dr. Ahmad Firdaus bin Zainal Abidin
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Komputeran
Tempat Sangkutan	Chonnam National University (CNU), Korea
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 4

Nama Amalan terbaik	<i>Moment Capsule</i> di arca peringatan disediakan oleh CNU sempena ulang tahun ke-70 penubuhan universiti.
Perincian Amalan terbaik	<i>"Moment Capsule"</i> ialah sebuah arca seni yang dicipta sempena ulang tahun ke-70 penubuhan Universiti Nasional Chonnam. Ia berfungsi sebagai kapsul untuk menyimpan dan memelihara kenangan dan memori yang ingin disumbangkan oleh warga universiti dan orang ramai semasa tempoh pembangunan kampus. Kapsul ini dibuka setiap tahun pada minggu pertama bulan Februari dan bulan Ogos bagi memperingati dan berkongsi kenangan tersebut.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh menyesuaikan konsep <i>"Moment Capsule"</i> sebagai satu inisiatif warisan institusi dengan membangunkan sebuah struktur kapsul kenangan di kawasan strategik kampus seperti dataran utama, perpustakaan atau lobi fakulti. Warga universiti termasuk pelajar, staf akademik, staf pentadbiran dan alumni boleh menyumbang mesej, harapan, refleksi atau kenangan berkaitan pengalaman mereka di UMPSA dalam bentuk digital atau fizikal. Kapsul ini boleh dibuka secara berkala, contohnya setiap lima atau sepuluh tahun atau sempena sambutan ulang tahun penubuhan universiti, sebagai satu simbol kesinambungan sejarah, identiti dan budaya UMPSA.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Inisiatif ini berpotensi memperkuat rasa kepunyaan (<i>sense of belonging</i>) dan identiti institusi dalam kalangan warga UMPSA. Ia juga menjadi medium dokumentasi sejarah universiti secara kreatif dan berimpak tinggi, yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan promosi, penceritaan jenama (<i>storytelling</i>), penyelidikan sejarah institusi serta penglibatan alumni. Selain itu, program ini dapat meningkatkan keterlibatan komuniti kampus, memupuk hubungan antara generasi warga universiti dan memperkayakan pengalaman kampus sebagai sebuah institusi pembelajaran yang bukan sahaja menumpukan akademik, tetapi juga nilai budaya, memori dan kemanusiaan.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Dr. Nurrina binti Rosli
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik
Tempat Sangkutan	Chonnam National University (CNU), Korea
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	CNU menekankan fasiliti yang mesra dan komunikasi yang efisien antara fakulti dan pelajar.
Perincian Amalan terbaik	Di CNU, penyampaian maklumat akademik dan aktiviti fakulti dilaksanakan secara sistematik walaupun melalui melalui papan informasi fizikal konvensional yang dikemas kini secara berkala. Maklumat penting seperti jadual kuliah, aktiviti fakulti, serta peluang penyelidikan dipaparkan dengan jelas bagi memastikan pelajar sentiasa mendapat maklumat tepat pada masanya. Selain itu, setiap fakulti dilengkapi dengan ruang istirahat pelajar (<i>student lounge</i>) yang selesa dan kondusif sebagai tempat perbincangan, rehat dan aktiviti kumpulan kecil. Pendekatan ini menunjukkan keprihatinan universiti terhadap kesejahteraan serta kesejahteraan pelajar dalam proses pembelajaran.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian maklumat pelajar melalui papan informasi digital interaktif di setiap fakulti serta menambah baik kemudahan <i>student lounge</i> sebagai pusat interaksi dan sokongan pelajar.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Meningkatkan komunikasi dua hala antara fakulti dan pelajar, menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti akademik, serta mewujudkan persekitaran kampus yang mesra, efisien dan berpusatkan pelajar.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Projek Transformasi Komunikasi & Ruang Interaksi Pelajar
Objektif	Meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat dan mewujudkan persekitaran fakulti yang mesra pelajar
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Pemasangan papan informasi digital interaktif ▪ Penyelarasan saluran maklumat rasmi ▪ Penambahbaikan <i>student lounge</i> ▪ Tinjauan kepuasan pelajar
Tempoh	6 – 12 bulan
Matlamat KPI (Sasaran)	≥80% tahap kepuasan pelajar, Peningkatan 20% penyertaan aktiviti fakulti
Sumber diperlukan	Peruntukan peralatan digital, kos naik taraf ruang, sokongan ICT
Risiko & Mitigasi	Kekangan bajet → Pelaksanaan berfasa Kurang penggunaan → Hebahan aktif
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Fakulti, Pusat Teknologi Digital UMPSA, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMPSA

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Dr. Nurrina binti Rosli
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik
Tempat Sangkutan	Chonnam National University (CNU), Korea
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	CNU menekankan konsep budaya penyelidikan secara berkumpulan di setiap kluster penyelidikan.
Perincian Amalan terbaik	Di CNU, setiap kluster mengadakan mesyuarat berkala, sesi perkongsian kemajuan (<i>progress sharing</i>), dan penulisan bersama (<i>co-writing sessions</i>). Budaya ini diamalkan oleh setiap ahli makmal di dalam kluster bagi membantu dalam reka bentuk eksperimen, analisis data, dan semakan manuskrip sebelum penghantaran jurnal.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Setiap kluster penyelidikan di UMPSA boleh mewujudkan budaya kerja berkumpulan untuk setiap pelajar pascasiswazah dan penyelidik di makmal untuk saling membantu produktiviti penyelidikan kluster. Sei mesyuarat mingguan atau bulanan boleh diperkenalkan untuk membentangkan perkembangan kajian dan mendapatkan maklum balas dalaman.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Meningkatkan kemahiran penyelidikan antara pelajar dan penyelidik, meningkatkan kemajuan eksperimen dan kadar penerbitan bersama, dan mengurangkan beban penyeliaan individu dengan menggalakkan pendekatan penyeliaan secara berkumpulan.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Program Pengukuhan Budaya Penyelidikan Berkumpulan
Objektif	Meningkatkan produktiviti penyelidikan dan mengurangkan beban penyeliaan individu
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Mesyuarat kluster berkala ▪ <i>Progress sharing & co-writing session</i> ▪ KPI penerbitan bersama ▪ Sistem mentor– mentee
Tempoh	Berterusan (pemantauan tahunan)
Matlamat KPI (Sasaran)	Peningkatan 20% penerbitan Bersama ≥1 geran kolaboratif/kluster/tahun
Sumber diperlukan	Ruang mesyuarat, sokongan RMC, insentif penerbitan
Risiko & Mitigasi	Kurang komitmen → Jadual tetap & pemantauan Konflik peranan → Pembahagian tugas jelas
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Ketua kluster penyelidikan di fakulti, Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMPSA

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Ts. Dr. Nurrina binti Rosli
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik
Tempat Sangkutan	Chonnam National University (CNU), Korea
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 3

Nama Amalan terbaik	CNU mengamalkan kolaborasi aktif dengan universiti dan institusi antarabangsa melalui jemputan staf luar bagi kursus umum, dan pertukaran pelajar. Ia memperkukuh jaringan global serta memperluas peluang pembelajaran lintas budaya.
Perincian Amalan terbaik	CNU mempunyai program pertukaran staf dan pelajar sebanyak 2 kali setahun. Staf boleh memohon dengan sokongan daripada pihak UMPSA.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Mengembangkan program pertukaran staf dan pelajar jangka pendek dan geran penyelidikan bersama dengan rakan institusi luar negara, termasuk CNU. Perkara ini perlu sentiasa diwar-warkan oleh Pusat Global UMPSA agar staf sentiasa cakna dengan peluang yang ada untuk meningkatkan potensi diri dan reputasi UMPSA.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Meningkatkan reputasi antarabangsa UMPSA, memperkukuh jaringan akademik global, serta memberi peluang pembangunan profesional kepada warga akademik dan pelajar.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Program Pemerkasaan Jaringan & Mobiliti Antarabangsa
Objektif	Memperkukuh jaringan global dan meningkatkan reputasi antarabangsa UMPSA
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Hebahan peluang mobility ▪ MoU/MoA dengan rakan strategik (contoh: Chungnam National University) ▪ Galakan geran bersama ▪ Sesi perkongsian pengalaman
Tempoh	1-3 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	≥5 penyertaan mobiliti/tahun ≥2 penerbitan/geran antarabangsa setahun
Sumber diperlukan	Dana mobiliti, sokongan Pusat Global, geran padanan
Risiko & Mitigasi	Kekangan kewangan → Dana luar Kekangan komitmen → Perancangan awal
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pusat Global UMPSA, Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMPSA, Fakulti

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Mohd Anwar bin Zawawi
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Tempat Sangkutan	Tianjin University (TJU), China
Tempoh Kelulusan	24 November hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Perkongsian progres dan <i>output</i> penyelidikan baharu secara kerap (1 minggu sekali di SEIE, TJU)
Perincian Amalan terbaik	Sesi perkongsian progres penyelidikan dibentangkan oleh pelajar post graduate bermula daripada Semester ke-2 pengajian mengikut giliran, manakala pembentangan output baharu penyelidikan dibentang oleh wakil penyelidik. Peserta sesi pembentangan adalah dikalangan pelajar-pelajar post grad dan staf dalam bidang sama.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	FTKEE mempunyai sebanyak 9 <i>research group</i> (RG). Setiap <i>research group</i> boleh menjalankan sesi pembentangan ini secara berkala bagi setiap minggu secara bergilir. Pembentangan boleh dilakukan oleh pelajar post graduate dan penyelidik dalam <i>research group</i> masing-masing.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Meningkatkan kadar penerbitan aktikel penyelidikan dikalangan staf dan pelajar fakulti. ▪ Mengurangkan kadar pelajar post graduate yang extend / pelanjutan tempoh pengajian. ▪ Memberikan pengalaman kepada pelajar post graduate untuk defend hasil penyelidikan sebagai persediaan untuk sesi viva voce PhD atau Master sebenar.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	' <i>Summer Camp @ UMPSA or Exploring UMPSA for Mobility Students</i>
Objektif	Meningkatkan bilangan pelajar mobiliti <i>in bound</i> to UMPSA
Langkah Tindakan/Aktiviti	Membentuk TF untuk merangka program untuk jangka masa panjang
Tempoh	2 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	Rujuk KPI <i>international in- bound mobility</i> bagi UMPSA30
Sumber diperlukan	Peruntukan asrama dan elaun makan kepada peserta
Risiko & Mitigasi	Bilangan pelajar <i>mobility in- bound</i> rendah
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	IO

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Mohd Anwar bin Zawawi
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Tempat Sangkutan	Tianjin University (TJU), China
Tempoh Kelulusan	24 November hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	<i>Centralized and Structured 'Summer Camp' in campus for international students from partner universities.</i>
Perincian Amalan terbaik	SEIE di TJU menjalankan sesi <i>summer camp</i> kepada pelajar-pelajar antarabangsa dari Singapura, Indonesia dan Thailand / Vietnam bagi memberikan pengalaman mobility tidak ber kredit kepada pelajar-pelajar tersebut. Program dijalankan dengan <i>kerjasama 'School of International Education'</i> selama 3 hari – 7 hari.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Melaksanakan sesi mobiliti tidak ber kredit seperti ' <i>summer camp/ exploration camp @ UMPSA</i> ' secara berstruktur kepada pelajar-pelajar antarabangsa. Surat jemputan terbuka boleh diberikan kepada universiti-universiti rakan kerjasama bagi meningkatkan pelajar mobility tidak ber kredit ke Malaysia / UMPSA.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Meningkatkan bilangan pelajar mobility tidak ber kredit ke UMPSA di kalangan pelajar dari universiti rakan kerjasama. ▪ Memastikan kerjasama erat dan berterusan dilaksanakan di antara UMPSA dan universiti rakan kerjasama. ▪ Meningkatkan hubungan dan jalinan lebih luas kepada pelajar dan penganjur program.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	<i>'Sharing My Research' or 'Know My Work' @ Faculty</i>
Objektif	Meningkatkan kadar pelajar GOT dan membantu persediaan viva voce pelajar
Langkah Tindakan/Aktiviti	TDR fakulti perlu menggerakkan ketua RG untuk inisiatif kepada pelajar PG
Tempoh	Berterusan
Matlamat KPI (Sasaran)	60-80% pelajar post graduate mendapat GOT
Sumber diperlukan	Peruntukkan minum pagi/ petang kepada peserta
Risiko & Mitigasi	Bilangan pelajar post graduate GOT rendah
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Fakulti / Research Group / TDR

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Mohd Anwar bin Zawawi
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Tempat Sangkutan	Tianjin University (TJU), China
Tempoh Kelulusan	24 November hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 3

Nama Amalan terbaik	Menggalakkan staf dan pelajar tidak berkenderaan di dalam kawasan kampus.
Perincian Amalan terbaik	Penggunaan basikal dan motor elektrik diperkenalkan di dalam kampus untuk kegunaan staf dan pelajar dengan kadar sewaan yang murah.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Menyediakan fasiliti dan kemudahan bersesuaian seperti trek laluan basikal/ motosikal elektrik khusus yang menyambungkan lokasi-lokasi utama seperti library, dewan kuliah PBM, asrama dan masjid.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Membudayakan amalan baik untuk mengekalkan kesihatan dan kecergasan kepada semua warga UMPSA ▪ Membantu universiti untuk meningkatkan ekosistem green campus. ▪ Mengurangkan pelepasan gas yang menyumbang kepada pencemaran (inisiatif zero carbon emission)

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>Cycling / Walking in Campus Ecosystem</i>
Objektif	Mengekalkan tahap kesihatan dan kecergasan warga UMPSA
Langkah Tindakan/Aktiviti	Melihat kepada kos naiktaraf fasiliti trak basikal in campus
Tempoh	5 tahun (UMPSA30)
Matlamat KPI (Sasaran)	Rujuk KPI international in- bound mobility bagi UMPSA30
Sumber diperlukan	Kos penyediaan fasiliti berkaitan
Risiko & Mitigasi	Tahap kesihatan / kecergasan warga UMPSA menurun
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	PPH / PKU

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Aizi Nor Mazila binti Ramli
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Sains dan Teknologi Industri
Tempat Sangkutan	Istanbul Technical University (ITU), Turkiye
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Pendekatan Kolaborasi Akademik Berasaskan Kepimpinan Fakulti
Perincian Amalan terbaik	Institusi hos mengamalkan pendekatan kolaborasi akademik yang dipacu oleh kepimpinan fakulti dan jabatan, di mana peranan ketua jabatan dan pengurusan fakulti adalah signifikan dalam memudah cara perbincangan akademik, penyelidikan serta hubungan antarabangsa. Pendekatan ini membolehkan hala tuju kolaborasi dirangka secara lebih strategik, tersusun dan sejajar dengan keutamaan institusi.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Pendekatan ini boleh diadaptasi di UMPSA dengan memperkukuh penglibatan kepimpinan fakulti dalam program mobiliti dan kerjasama antarabangsa, khususnya dalam mengenal pasti bidang keutamaan, memudah cara perbincangan strategik serta memantau kesinambungan kolaborasi pasca-mobiliti.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pendekatan ini berpotensi meningkatkan keberkesanan kolaborasi antarabangsa, mempercepatkan pencapaian hasil strategik seperti permohonan geran dan penerbitan bersama, serta menyumbang kepada pengukuhan reputasi akademik UMPSA di peringkat global.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Sesi Perkongsian Pasca Mobiliti ITÜ–UMPSA
Objektif	Berkongsi dapatan, amalan terbaik dan peluang kolaborasi hasil mobiliti
Langkah Tindakan/Aktiviti	- Menyediakan slaid pembentangan - Menganjurkan sesi perkongsian di peringkat fakulti/UMPSA - Mendokumentasikan hasil perkongsian
Tempoh	1–3 bulan selepas mobility
Matlamat KPI (Sasaran)	Sesi post-mobility sharing dilaksanakan dan direkodkan
Sumber diperlukan	Kemudahan bilik/seminar, sokongan pentadbiran fakulti
Risiko & Mitigasi	Risiko: Kehadiran rendah Mitigasi: Hebahan awal dan integrasi dengan mesyuarat fakulti
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Dekan FIST / Fakulti

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Aizi Nor Mazila binti Ramli
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Sains dan Teknologi Industri
Tempat Sangkutan	Istanbul Technical University (ITU), Turkiye
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Sokongan Institusi yang sistematik terhadap Mobiliti dan Kolaborasi Antarabangsa
Perincian Amalan terbaik	Institusi hos menyediakan sistem sokongan yang tersusun bagi pelaksanaan mobiliti staf dan kolaborasi antarabangsa melalui peranan aktif unit khusus seperti Erasmus Office. Sokongan ini merangkumi penyelarasan program, taklimat awal, bantuan logistik serta fasilitasi hubungan antara fakulti dan jabatan, yang membantu memastikan pelaksanaan program berjalan lancar dan berkesan.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh memperkukuh peranan unit berkaitan mobiliti dan antarabangsa dengan menyediakan garis panduan yang lebih jelas, pelan sokongan pasca-mobiliti serta mekanisme pemantauan bagi memastikan hasil mobiliti diterjemahkan kepada impak akademik dan strategik universiti.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pendekatan ini berpotensi meningkatkan kecekapan pelaksanaan program mobiliti, mengurangkan kekangan pentadbiran, serta memastikan hasil mobiliti memberi pulangan yang jelas kepada pembangunan staf, fakulti dan universiti.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Penerokaan Kolaborasi Penyelidikan UMPSA-İTÜ
Objektif	Mewujudkan kerjasama penyelidikan antarabangsa
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Komunikasi susulan dengan rakan akademik İTÜ ▪ Kenal pasti bidang penyelidikan bersama ▪ Penyediaan konsep kertas Cadangan
Tempoh	6–12 bulan
Matlamat KPI (Sasaran)	Sekurang-kurangnya 1 permohonan geran bersama (peringkat awal)
Sumber diperlukan	Masa penyelidikan, akses maklumat geran, sokongan RMC
Risiko & Mitigasi	Risiko: Kekangan masa Mitigasi: Penjadualan berkala dan pembahagian tugas
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Penyelidik / Fakulti

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Aizi Nor Mazila binti Ramli
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Sains dan Teknologi Industri
Tempat Sangkutan	Istanbul Technical University (ITU), Turkiye
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 3	
Nama Amalan terbaik	Pembangunan Ekosistem Akademik Berasaskan Infrastruktur
Perincian Amalan terbaik	Kemudahan makmal, perpustakaan dan sokongan akademik di İTÜ menyokong budaya penyelidikan berkualiti tinggi.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Pengoptimuman penggunaan fasiliti sedia ada dan perancangan strategik pembangunan infrastruktur akademik.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Peningkatan kualiti pengajaran, penyelidikan dan pengalaman akademik.

PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Pengukuhan <i>Academic Reputation</i> (AR) Antarabangsa
Objektif	Menyokong reputasi akademik UMPSA di peringkat global
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Mengenal pasti staf akademik İTÜ sebagai rakan AR ▪ Mengekalkan komunikasi profesional ▪ Pengemaskinian maklumat AR
Tempoh	Berterusan
Matlamat KPI (Sasaran)	≥ 3 jaringan <i>Academic Reputation</i> (AR)
Sumber diperlukan	Rangkaian profesional, komunikasi emel
Risiko & Mitigasi	Risiko: Risiko hubungan terputus Mitigasi: Komunikasi berkala
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Fakulti / UMPSA

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Dr. Zetty Ain binti Kamaruzzaman
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Pengurusan Industri
Tempat Sangkutan	Istanbul Technical University (ITU), Turkiye
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Pengantarabangsaan & Mobiliti Akademik Global
Perincian Amalan terbaik	ITU aktif dalam: ▪ Program pertukaran pelajar dan staf antarabangsa ▪ Program dwi-ijazah dan penyelidikan bersama universiti global ▪ Kursus dan program berbahasa Inggeris
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	▪ Memperluas program mobiliti staf dan pelajar dengan universiti teknikal global ▪ Menambah program pascasiswazah dan kursus profesional berbahasa Inggeris ▪ Menjadikan UMPSA hab kerjasama teknikal Asia–Turkiye
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Peningkatan reputasi dan penarafan universiti Pendedahan global kepada staf dan pelajar Pemerkasaan budaya kerja bertaraf antarabangsa

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Dr. Zetty Ain binti Kamaruzzaman
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Pengurusan Industri
Tempat Sangkutan	Istanbul Technical University (ITU), Turkiye
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Pengantarabangsaan Kurikulum & Pembelajaran Global
Perincian Amalan terbaik	ITU menawarkan: ▪ Kursus berbahasa Inggeris ▪ Projek dan tugas kolaboratif bersama universiti antarabangsa ▪ Pendedahan kepada standard dan amalan kejuruteraan global
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	▪ Melaksanakan Collaborative Online International Learning (COIL) ▪ Menawarkan lebih banyak kursus teras dalam bahasa Inggeris ▪ Menjemput profesor pelawat industri/antarabangsa secara maya atau fizikal
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Graduan lebih kompetitif di peringkat global Peningkatan kebolehpasaran dan keyakinan pelajar ▪ Budaya pengajaran bertaraf antarabangsa di UMPSA

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Dr. Zetty Ain binti Kamaruzzaman
Jawatan	Pensyarah Universiti
Ptj	Fakulti Pengurusan Industri
Tempat Sangkutan	Istanbul Technical University (ITU), Turkiye
Tempoh Kelulusan	17 hingga 21 November 2025



AMALAN TERBAIK 3

Nama Amalan terbaik	Model Universiti Berteraskan Penyelidikan & Industri
Perincian Amalan terbaik	ITU mempunyai hubungan yang sangat kukuh dengan industri melalui: ▪ Projek penyelidikan bersama industri ▪ Pusat penyelidikan berfokus teknologi kejuruteraan, tenaga, AI dan pembuatan ▪ Penglibatan industri dalam kurikulum dan projek pelajar
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	▪ Memperkukuh kerjasama strategik dengan industri tempatan (ECRL, automotif, aeroangkasa, tenaga hijau) ▪ Memperluas industrial-based research grant untuk pensyarah ▪ Menjadikan projek tahun akhir (FYP) sebagai projek sebenar industri
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Peningkatan kebolehpasaran graduan ▪ Hasil penyelidikan lebih relevan dan berimpak tinggi menjana pendapatan universiti melalui kerjasama industri

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Abu Zaharin bin Ahmad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	Pembangunan Makmal PnP mengikut teknologi terkini
Perincian Amalan terbaik	HIT, lebih spesifik " <i>School of Electrical Engineering and Automation</i> " mengutamakan pembangunan makmal PnP seiring dengan perubahan teknologi terkini termasuk dari segi peruntukan bajet. Pelajar dapat kemudahan makmal dengan peralatan yang " <i>up-to-date</i> ".
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Seiring dengan universiti berasaskan teknikal. Pembangunan makmal perlu diutamakan terutama makmal-makmal dengan peralatan yang lama.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pembangunan makmal perlu untuk pendedahan terkini kepada pelajar dan staf. Ini juga sebagai impak kepada pihak luar melihat kemudahan makmal di universiti.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Dr. Abu Zaharin bin Ahmad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Mengalakkan staf untuk membangunkan peralatan makmal dan sistem peralatan dalam makmal.
Perincian Amalan terbaik	Pelbagai inisiatif kepada staf bagi mengalakkan pembangunan sistem makmal seperti makmal <i>"hybrid online electric circuit lab"</i> . Lab ini di bangunkan oleh staf HIT dengan peruntukan besar budget dari universiti. Hasil dari pembangunan makmal (sistem, peralatan, assemble, testing dan lain-lain) di iktiraf oleh universiti sebagai satu sumbangan dan pencapaian staf dan fakulti.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Sebagai universiti teknikal, tenaga pengajar (pensyarah dan JP) banyak telah didedahkan dengan kerja-kerja <i>"hands-on"</i> . Oleh itu, jika beberapa inisiatif boleh dilaksanakan seperti peruntukan budget dan pengiktirafan kepada staf (kenaikan pangkat, SKT dan lain-lain), langkah ini boleh dilaksanakan. Di samping itu, secara tidak langsung kepakaran staf akan lebih meningkat.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Kepakaran staf akan meningkat dan boleh konsult kepakaran ke luar.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Noryanti binti Muhammad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Pusat Sains Matematik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 1

Nama Amalan terbaik	<i>Program Young Talent</i>
Perincian Amalan terbaik	Program pembangunan bakat berstruktur yang mengenal pasti dan membimbing pelajar prasiswazah serta pascasiswazah berpotensi tinggi melalui pendedahan awal kepada ekosistem akademik, penyelidikan, pentadbiran dan teknikal universiti, seterusnya membentuk laluan kerjaya berterusan sehingga mereka berpeluang diserap sebagai warga kerja UMPSA.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Pelaksanaan program pembangunan bakat yang inklusif merangkumi semua kategori jawatan dan gred di UMPSA, sama ada teknikal mahupun bukan teknikal, dengan penekanan kepada: ▪ pembangunan kompetensi teras dan kepimpinan masa hadapan ▪ pemetaan bakat (talent pipeline) berasaskan keperluan strategik universiti ▪ pendedahan silang fungsi (<i>cross-functional exposure</i>) bagi memperkukuh kefahaman organisasi.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Menjamin kesinambungan bakat dan kelestarian pengisian jawatan kritikal. ▪ Mengurangkan kebergantungan kepada pengambilan luaran melalui pembinaan bakat dalaman yang berterusan. ▪ Menyokong perancangan strategik UMPSA ke arah sasaran UMPSA 2030 dan seterusnya, khususnya dalam aspek tadbir urus, kecemerlangan akademik, inovasi dan daya saing institusi. ▪ Mewujudkan budaya kerja berprestasi tinggi dan persekitaran pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga UMPSA.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Noryanti binti Muhammad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Pusat Sains Matematik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>Program Young Talent UMPSA</i>
Objektif	Membina saluran bakat berterusan daripada pelajar ke warga kerja UMPSA
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Kenal pasti pelajar prasiswazah dan pascasiswazah berpotensi ▪ Program mentoring dan attachment ▪ Pemetaan laluan kerjaya (talent pipeline) ▪ Penilaian prestasi dan kebolehserapan
Tempoh	2–4 tahun (berfasa)
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ ≥30% jawatan strategik diisi bakat dalaman ▪ ≥70% peserta kekal dalam ekosistem UMPSA
Sumber diperlukan	▪ Kepakaran akademik dan pentadbiran ▪ Peruntukan latihan ▪ Sistem pemetaan bakat
Risiko & Mitigasi	▪ Risiko bakat berhijrah → insentif & laluan kerjaya jelas ▪ Ketidakselarasan keperluan → semakan tahunan
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Jabatan Pendaftar dan Pusat Kerjaya

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Noryanti binti Muhammad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Pusat Sains Matematik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 2

Nama Amalan terbaik	Sistem Kampus Tanpa Tunai (<i>Cashless Campus</i>) Bersepadu melalui Kad Pengenalan UMPSA (STAFF/STUDENTS ID CARDS)
Perincian Amalan terbaik	Pelaksanaan sistem transaksi tanpa tunai sepenuhnya di seluruh kampus UMPSA dengan penggunaan Kad Pengenalan UMPSA bersepadu sebagai medium utama bagi pembayaran, pengesahan identiti dan akses perkhidmatan. Sistem ini meliputi urusan kafeteria, mesin layan diri, perpustakaan, kemudahan sukan, parkir, pengangkutan dalaman, serta perkhidmatan sokongan universiti yang lain, dengan integrasi bersama sistem kewangan dan pengurusan kampus sedia ada.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Penyesuaian pelaksanaan sistem ini boleh dilaksanakan secara berfasa dengan mengambil kira keperluan dan kesediaan warga UMPSA, antaranya: ▪ Integrasi Kad UMPSA dengan platform e-pembayaran tempatan dan sistem kewangan universiti. ▪ Penyediaan infrastruktur sokongan merangkumi pembaca kad, aplikasi mudah alih dan sistem sandaran. ▪ Pelaksanaan polisi keselamatan data dan privasi selaras dengan piawaian keselamatan ICT sektor awam. ▪ Program kesedaran dan latihan kepada pelajar, staf akademik dan bukan akademik bagi memastikan penerimaan dan penggunaan yang meluas.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Meningkatkan kecekapan operasi dan ketelusan pengurusan kewangan universiti. ▪ Mempercepatkan urusan harian serta mengurangkan kebergantungan kepada wang tunai. ▪ Menyokong agenda pendigitalan kampus pintar (<i>Smart Campus</i>) dan transformasi digital UMPSA. ▪ Meningkatkan keselamatan transaksi dan mengurangkan risiko kehilangan tunai. ▪ Menyumbang kepada persekitaran kampus yang lebih mampan, selari dengan aspirasi UMPSA 2030.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Noryanti binti Muhammad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Pusat Sains Matematik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Kampus Tanpa Tunai Bersepadu (Kad UMPSA)
Objektif	Meningkatkan kecekapan transaksi dan ketelusan kewangan
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Integrasi kad UMPSA dengan sistem pembayaran ▪ Pelaksanaan di kafeteria, parkir, fasiliti ▪ Latihan dan kempen kesedaran
Tempoh	12–24 bulan
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ ≥90% transaksi kampus tanpa tunai ▪ Pengurangan masa transaksi ≥40%
Sumber diperlukan	▪ Infrastruktur pembaca kad ▪ Integrasi sistem kewangan ▪ Vendor e- pembayaran
Risiko & Mitigasi	▪ Penolakan pengguna → pelaksanaan berfasa ▪ Gangguan sistem → pelan sandaran
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pusat ICT dan Jabatan Bendahari

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Noryanti binti Muhammad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Pusat Sains Matematik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 3

Nama Amalan terbaik	Sistem Akses Masuk Berasaskan Pengesanan Wajah (<i>Face Recognition</i>) bagi Pengguna Dalaman dan Luaran
Perincian Amalan terbaik	Pelaksanaan sistem kawalan akses pintar berasaskan teknologi pengesanan wajah untuk mengawal kemasukan ke kawasan kampus dan fasiliti terpilih UMPSA, melibatkan pengguna dalaman (pelajar, staf akademik dan bukan akademik) serta pengguna luaran (pelawat, kontraktor dan rakan industri). Sistem ini diintegrasikan dengan pangkalan data identiti universiti dan sistem keselamatan sedia ada bagi memastikan pengesahan identiti yang tepat, pantas dan tanpa sentuhan.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Penyesuaian sistem boleh dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambil kira keperluan operasi dan sensitiviti data, antaranya: ▪ Pelaksanaan awal di lokasi kritikal seperti pintu masuk utama kampus, bangunan pentadbiran, makmal, pusat data dan kemudahan berisiko tinggi. ▪ Integrasi dengan Kad Pengenalan UMPSA, sistem HR, sistem pelajar dan sistem pengurusan pelawat. ▪ Penyediaan dasar tadbir urus data biometrik yang jelas, selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) dan garis panduan keselamatan ICT sektor awam. ▪ Penyediaan mekanisme alternatif (<i>fallback</i>) seperti kad akses atau kod QR bagi situasi kecemasan atau kegagalan sistem.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Meningkatkan tahap keselamatan kampus dan kawalan akses ke kawasan sensitif. ▪ Mempercepatkan proses keluar masuk tanpa keperluan sentuhan fizikal atau pemeriksaan manual. ▪ Mengurangkan risiko penyalahgunaan kad identiti dan pencerobohan tanpa kebenaran. ▪ Menyokong pembangunan kampus pintar (<i>Smart Campus</i>) dan transformasi digital UMPSA. ▪ Mewujudkan persekitaran kampus yang lebih selamat, cekap dan berteknologi tinggi, selari dengan hala tuju UMPSA 2030.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Noryanti binti Muhammad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Pusat Sains Matematik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Sistem Akses Pengecaman Wajah UMPSA
Objektif	Memperkuh keselamatan dan kawalan akses kampus
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Pelaksanaan di pintu masuk utama dan kawasan kritikal ▪ Integrasi sistem pelajar, HR dan pelawat ▪ Penyediaan polisi data biometrik
Tempoh	12–18 bulan
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ ≥95% ketepatan pengecaman ▪ 0 insiden pencerobohan kawasan sensitive
Sumber diperlukan	▪ Sistem AI dan kamera ▪ Infrastruktur rangkaian ▪ Polisi PDPA
Risiko & Mitigasi	▪ Isu privasi → tadbir urus data jelas ▪ Kegagalan sistem → kaedah alternative
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pusat ICT dan Pusat Keselamatan

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Noryanti binti Muhammad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Pusat Sains Matematik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 4

Nama Amalan terbaik	<i>Platform Super Apps</i> UMPSA Bersepadu bagi Perkhidmatan Kampus (Penambahbaikkan dari sediaada)
Perincian Amalan terbaik	Pembangunan dan pelaksanaan <i>Platform Super Apps</i> UMPSA sebagai aplikasi sehenti (<i>one-stop platform</i>) yang mengintegrasikan perkhidmatan kafeteria dan kafe (termasuk kafe menerima tempahan dari apps tersebut dan <i>call number to get the f&b</i>) serta kemudahan kampus lain seperti pembayaran tanpa tunai, tempahan fasiliti, parkir, pengangkutan dalaman, notifikasi kampus, pengurusan pelawat dan perkhidmatan sokongan universiti. Platform ini berfungsi sebagai antara muka utama interaksi digital warga UMPSA dengan ekosistem kampus.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Pelaksanaan <i>Super Apps</i> boleh disesuaikan dengan keperluan dan keupayaan UMPSA melalui: ▪ Integrasi dengan sistem sedia ada seperti Kad Pengenalan UMPSA, sistem kewangan, sistem pelajar dan HR. ▪ Pelaksanaan modul secara berfasa, bermula dengan perkhidmatan berimpak tinggi (contohnya pembayaran kafeteria, pengumuman kampus dan tempahan fasiliti). ▪ Kerjasama strategik dengan penyedia teknologi tempatan dan pengusaha kafeteria/kafe. ▪ Penyediaan rangka kerja keselamatan, privasi data dan kebolehcapaian pengguna yang selaras dengandasar ICT universiti dan keperluan perundangan.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	▪ Meningkatkan kecekapan dan keselesaan warga UMPSA melalui akses perkhidmatan kampus yang bersepadu dan mesra pengguna. ▪ Mengoptimumkan pengurusan operasi dan pemantauan prestasi perkhidmatan kampus secara masa nyata. ▪ Menyokong pelaksanaan kampus tanpa tunai dan kampus pintar (Smart Campus). ▪ Meningkatkan keterlibatan (<i>engagement</i>) pelajar dan staf melalui komunikasi digital yang lebih efektif. ▪ Menyokong agenda transformasi digital dan kelestarian institusi selaras dengan sasaran UMPSA 2030.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Noryanti binti Muhammad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Pusat Sains Matematik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	<i>Super Apps</i> UMPSA Bersepadu
Objektif	Menyediakan platform digital sehenti perkhidmatan kampus
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Reka bentuk dan pembangunan <i>Super Apps</i> ▪ Integrasi kafeteria, fasiliti, notifikasi, pembayaran ▪ Pelaksanaan modul secara berfasa
Tempoh	18–36 bulan
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ ≥80% warga aktif menggunakan aplikasi ▪ ≥50% pengurangan urusan manual
Sumber diperlukan	▪ Pembangunan aplikasi ▪ Integrasi sistem sedia ada ▪ Vendor teknologi
Risiko & Mitigasi	▪ Kadar penggunaan rendah → UX mesra pengguna ▪ Integrasi kompleks → fasa modul
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Pusat ICT dan Pejabat Strategik

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Madya Ts. Dr. Noryanti binti Muhammad
Jawatan	Profesor Madya
Ptj	Pusat Sains Matematik
Tempat Sangkutan	Harbin Institute of Technology (HIT), China
Tempoh Kelulusan	1 hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 5

Nama Amalan terbaik	Mewujudkan Muzium UMPSA (terbuka juga untuk orang awam)
Perincian Amalan terbaik	Inisiatif ini bertujuan menubuhkan Muzium UMPSA sebagai ruang pameran dan dokumentasi sejarah, pencapaian akademik, penyelidikan, inovasi, serta warisan budaya universiti. Muzium ini akan menjadi pusat rujukan, pendidikan, dan pendedahan kepada pelajar, staf, alumni, dan pengunjung, selain mendukung identiti universiti dan memperkukuh daya saing akademik.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	- Menyediakan koleksi fizikal dan digital berkaitan sejarah UMPSA, projek penyelidikan unggul, inovasi, dan pencapaian fakulti/pusat penyelidikan. - Mengintegrasikan Muzium dengan platform digital (<i>virtual tour, Super Apps UMPSA</i>) untuk capaian lebih luas. - Menyediakan ruang interaktif dan edukatif bagi pelajar dan staf untuk pembelajaran dan penyelidikan. - Melibatkan kerjasama fakulti, alumni dan pihak industri bagi menyumbang bahan pameran dan sokongan teknikal.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	- Menjadi pusat rujukan dan dokumentasi untuk penyelidikan, inovasi, dan pembelajaran sepanjang hayat. - Meningkatkan identiti, imej, dan kebanggaan universiti di kalangan pelajar, staf dan alumni. - Memberi peluang kepada pelajar dan staf untuk pendedahan praktikal dalam pengurusan pameran, sejarah institusi, dan teknologi digital. - Menyokong strategi UMPSA 2030 dalam pembangunan inovasi, warisan budaya, dan transformasi digital. - Menarik pengunjung dan pihak luar untuk kolaborasi akademik dan industri.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Ts. Dr. Sumaiya Bt Zainal Abidin @ Murad
Jawatan	Profesor
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Imperial College London, United Kingdom
Tempoh Kelulusan	1 Hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 1	
Nama Amalan terbaik	Pengurusan Autonomi di Peringkat Jabatan
Perincian Amalan terbaik	Di Imperial College London, pengurusan jabatan dilaksanakan secara autonomi di mana jabatan mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang jelas dalam mengurus aspek utama seperti pengambilan staf, pengurusan kewangan, hala tuju penyelidikan dan akademik, pembangunan fasiliti serta perancangan strategik jabatan. Struktur ini membolehkan keputusan dibuat secara lebih pantas, responsif dan selaras dengan keperluan bidang kepakaran masing-masing. Autonomi ini turut disokong oleh sistem tadbir urus yang jelas, akauntabiliti tinggi serta sokongan profesional yang membolehkan staf akademik memberi fokus kepada aktiviti pengajaran, penyelidikan dan inovasi secara optimum.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	Pendekatan pengurusan autonomi boleh dipertimbangkan secara berperingkat di UMPSA dengan memperkukuh kuasa fakulti dalam aspek tertentu seperti perancangan akademik, pengurusan fasiliti, pembangunan penyelidikan dan pengurusan kewangan terpilih, tertakluk kepada dasar universiti. Pelaksanaan memerlukan garis panduan tadbir urus yang jelas, mekanisme pemantauan prestasi serta penyelarasan dengan perancangan strategik universiti bagi memastikan keseimbangan antara autonomi dan akauntabiliti institusi.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pendekatan ini berpotensi meningkatkan kecekapan tadbir urus, mempercepat proses membuat keputusan, serta meningkatkan fleksibiliti fakulti dalam merancang pembangunan akademik dan penyelidikan yang lebih responsif kepada keperluan industri dan global. Selain itu, ia boleh menyumbang kepada pengukuhan budaya akauntabiliti, peningkatan motivasi staf, pengurusan sumber yang lebih efektif serta penghasilan ekosistem akademik yang lebih dinamik dan kompetitif di UMPSA.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Ts. Dr. Sumaiya Bt Zainal Abidin @ Murad
Jawatan	Profesor
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Imperial College London, United Kingdom
Tempoh Kelulusan	1 Hingga 5 Disember 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Pemeriksaan Amalan Autonomi Fakulti dalam Urus Akademik dan Penyelidikan
Objektif	Meningkatkan kecekapan membuat keputusan akademik, penyelidikan dan pengurusan sumber melalui autonomi di peringkat fakulti/jabatan.
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Mengenal pasti skop autonomi sesuai. ▪ Menyediakan garis panduan tadbir urus. ▪ Pelaksanaan projek perintis. ▪ Pemantauan berkala.
Tempoh	1–3 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ Masa keputusan berkurang. ▪ Peningkatan output penyelidikan. ▪ Tahap kepuasan staf meningkat.
Sumber diperlukan	Sokongan pengurusan universiti, kepimpinan akademik, sistem pemantauan.
Risiko & Mitigasi	Risiko ▪ Ketidakselarasan. Mitigasi ▪ Garis panduan jelas dan audit berkala.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	TNC(P), Dekan Fakulti dan Bendahari

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Ts. Dr. Sumaiya Bt Zainal Abidin @ Murad
Jawatan	Profesor
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Imperial College London, United Kingdom
Tempoh Kelulusan	1 Hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 2	
Nama Amalan terbaik	Pendekatan Pembelajaran dan Persekitaran Inklusif Berteraskan <i>Universal Design</i>
Perincian Amalan terbaik	Imperial College London mengamalkan pendekatan inklusif yang komprehensif merangkumi reka bentuk fasiliti, pedagogi pengajaran serta kaedah penilaian pembelajaran. Universiti telah menjalankan kajian khusus bagi memahami keperluan pelajar dan staf OKU termasuk individu dengan autisme, disleksia serta keperluan neurodiversiti lain. Dapatan kajian ini digunakan untuk menambah baik persekitaran fizikal seperti sistem pencahayaan boleh laras, ruang pembelajaran fleksibel dan suasana bilik kuliah yang kondusif kepada pelbagai keperluan sensori. Selain itu, pendekatan inklusif turut diterapkan dalam aspek akademik seperti kaedah penilaian yang lebih fleksibel, variasi bentuk tugas dan pembentangan, serta strategi pembentukan kumpulan pelajar yang mengambil kira kepelbagaian latar belakang, keupayaan dan gaya pembelajaran. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong pelajar OKU, malah meningkatkan pengalaman pembelajaran semua pelajar secara lebih inklusif dan berkesan.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh mempertimbangkan pelaksanaan pendekatan inklusif secara berperingkat melalui audit fasiliti dan pedagogi pembelajaran bagi mengenal pasti keperluan pelajar OKU serta neurodiversiti. Penambahbaikan boleh melibatkan rekabentuk ruang pembelajaran fleksibel, sistem pencahayaan dan akustik yang sesuai, serta penambahbaikan amalan pengajaran dan penilaian seperti kepelbagaian bentuk assessment, fleksibiliti kaedah pembentangan, dan garis panduan pembentukan kumpulan tugas yang lebih inklusif. Pelaksanaan ini memerlukan kesedaran warga akademik, sokongan dasar universiti serta latihan profesional bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Ts. Dr. Sumaiya Bt Zainal Abidin @ Murad
Jawatan	Profesor
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Imperial College London, United Kingdom
Tempoh Kelulusan	1 Hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 2

Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pelaksanaan pendekatan pembelajaran inklusif berpotensi meningkatkan kesejahteraan pelajar dan staf, memperkukuh pengalaman pembelajaran serta menyokong kepelbagaian keperluan individu. Ia juga boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran, prestasi akademik pelajar serta imej universiti sebagai institusi yang progresif, inklusif dan responsif terhadap keperluan semasa pendidikan tinggi. Dalam jangka panjang, pendekatan ini turut menyumbang kepada pembangunan graduan yang lebih adaptif, empatik dan kompetitif di peringkat global.
--	--

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Ts. Dr. Sumaiya Bt Zainal Abidin @ Murad
Jawatan	Profesor
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Imperial College London, United Kingdom
Tempoh Kelulusan	1 Hingga 5 Disember 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK	
Nama Inisiatif /projek	Inisiatif Kampus Inklusif dan Pembelajaran Mesra Neurodiversiti
Objektif	Mewujudkan persekitaran pembelajaran inklusif.
Langkah Tindakan/Aktiviti	- Audit fasiliti. - Penambahbaikan kemudahan. - Latihan kesedaran inklusif.
Tempoh	1 Tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	- Peningkatan kepuasan pelajar. - Pengurangan isu keciciran.
Sumber diperlukan	Peruntukan fasiliti, pakar pedagogi inklusif.
Risiko & Mitigasi	Risiko - Kos Mitigasi - Pelaksanaan berfasa.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	HEPA, Fakulti dan Pembangunan Akademik

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Ts. Dr. Sumaiya Bt Zainal Abidin @ Murad
Jawatan	Profesor
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Imperial College London, United Kingdom
Tempoh Kelulusan	1 Hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 3	
Nama Amalan terbaik	Pembelajaran Berasaskan Industri melalui Fasiliti Pilot Plant
Perincian Amalan terbaik	Imperial College London mengamalkan pendekatan pembelajaran berasaskan situasi industri sebenar melalui penggunaan fasiliti pilot plant yang direka untuk meniru operasi kilang sebenar. Fasiliti ini membolehkan pelajar memperoleh pengalaman hands-on dalam aspek operasi loji, keselamatan proses, penyelesaian masalah operasi serta pemahaman integrasi teori dan amalan industri. Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar merasai peranan sebenar sebagai jurutera operasi sejak di peringkat universiti, sekali gus meningkatkan kefahaman terhadap realiti industri, budaya kerja profesional serta keperluan kemahiran teknikal dan bukan teknikal dalam sektor kejuruteraan proses.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh mempertimbangkan pengukuhan pendekatan pembelajaran berasaskan industri melalui pembangunan atau pengoptimuman fasiliti pilot plant sedia ada, kerjasama strategik dengan industri, serta integrasi elemen simulasi operasi sebenar dalam kurikulum. Selain Pembangunan infrastruktur, aspek pedagogi seperti pembelajaran berasaskan projek industri, latihan operasi loji, serta pendedahan kepada situasi sebenar industri boleh diperkasakan bagi meningkatkan kesiapsiagaan graduan menghadapi dunia pekerjaan.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pendekatan ini berpotensi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pendedahan awal kepada situasi industri sebenar, mengukuhkan kompetensi teknikal dan Kemahiran profesional pelajar, serta memperkukuh hubungan universiti industri. Selain itu, ia dapat meningkatkan reputasi akademik universiti, menyokong agenda pendidikan berorientasikan industri dan menghasilkan graduan yang lebih kompetitif, praktikal dan bersedia menyumbang kepada keperluan sektor industri negara dan global.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Ts. Dr. Sumaiya Bt Zainal Abidin @ Murad
Jawatan	Profesor
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Imperial College London, United Kingdom
Tempoh Kelulusan	1 Hingga 5 Disember 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Program Pembelajaran Berasaskan Industri melalui Fasiliti Pilot Plant dan Simulasi Proses
Objektif	Meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pengalaman industri sebenar.
Langkah Tindakan/Aktiviti	- Audit fasiliti. - Integrasi latihan operasi. - Kolaborasi industri.
Tempoh	2–5 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	- Peningkatan employability. - Pertambahan kolaborasi industri.
Sumber diperlukan	Fasiliti pilot plant, dana penyelenggaraan.
Risiko & Mitigasi	Risiko - Kos operasi tinggi. Mitigasi - Kerjasama industri.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	Fakulti, RMC, ICC dan Rakan Industri

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Ts. Dr. Sumaiya Bt Zainal Abidin @ Murad
Jawatan	Profesor
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Imperial College London, United Kingdom
Tempoh Kelulusan	1 Hingga 5 Disember 2025



AMALAN TERBAIK 4	
Nama Amalan terbaik	Sistem Pengurusan Pengkuliahan Bersepadu dan Responsif Secara Masa Nyata
Perincian Amalan terbaik	Imperial College London mengaplikasikan system pengurusan pengkuliahan bersepadu yang cekap, di mana pelajar boleh mengakses jadual kuliah, sebarang perubahan masa atau lokasi kelas secara masa nyata melalui platform digital universiti. Selain itu, semua sesi kuliah dan pengajaran direkod serta dimuat naik ke dalam sistem pembelajaran sejurus selepas kelas berlangsung. Pendekatan ini memastikan kesinambungan pembelajaran kerana pelajar yang tidak dapat menghadiri kelas masih boleh mengikuti kandungan kuliah tanpa ketinggalan. Sistem ini juga menyokong fleksibiliti pembelajaran, meningkatkan akses kepada bahan akademik serta memudahkan pemantauan pengajaran oleh pihak jabatan.
Cadangan penyesuaian mengikut konteks UMPSA	UMPSA boleh mempertimbangkan penambahbaikan sistem pengurusan jadual kuliah dan pembelajaran digital sedia ada dengan integrasi platform masa nyata yang lebih responsif, termasuk fungsi notifikasi perubahan jadual, rakaman kuliah automatik serta repositori pembelajaran berpusat. Pelaksanaan ini memerlukan pengukuhan infrastruktur digital, garis panduan pelaksanaan rakaman kuliah serta latihan kepada staf akademik bagi memastikan penggunaan sistem yang optimum dan berkesan.
Impak Positif /Potensi manfaat kepada UMPSA atau warga kerja	Pelaksanaan sistem ini berpotensi meningkatkan fleksibiliti pembelajaran, menyokong pembelajaran sendiri pelajar, serta mengurangkan risiko keciciran akademik akibat ketidakhadiran. Ia juga boleh meningkatkan kecekapan pengurusan akademik, ketelusan maklumat kepada pelajar serta kualiti pengalaman pembelajaran secara keseluruhan. Dalam jangka panjang, sistem ini menyumbang kepada ekosistem pendidikan digital yang lebih moden, inklusif dan selari dengan keperluan pendidikan tinggi masa kini.

AMALAN TERBAIK & PELAN TINDAKAN PROGRAM MOBILITI STAF UMPSA TAHUN 2025

Nama Peserta	Profesor Ts. Dr. Sumaiya Bt Zainal Abidin @ Murad
Jawatan	Profesor
Ptj	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses
Tempat Sangkutan	Imperial College London, United Kingdom
Tempoh Kelulusan	1 Hingga 5 Disember 2025



PELAN TINDAKAN BERDASARKAN CADANGAN AMALAN TERBAIK

Nama Inisiatif /projek	Sistem Pengurusan Pengkuliahan Bersepadu Digital dan Masa Nyata
Objektif	Meningkatkan akses pembelajaran dan kecekapan pengurusan melalui sistem digital.
Langkah Tindakan/Aktiviti	▪ Integrasi sistem jadual & LMS. ▪ Rakaman kuliah automatik. ▪ Latihan pengguna.
Tempoh	1-2 tahun
Matlamat KPI (Sasaran)	▪ Peningkatan akses bahan. ▪ Pengurangan aduan pelajar.
Sumber diperlukan	Infrastruktur ICT, platform LMS, sokongan teknikal.
Risiko & Mitigasi	▪ Risiko: kesediaan teknologi. ▪ Mitigasi: latihan berterusan.
Pemilik Tindakan (cadangan peserta)	DiTec, Fakulti

5. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT UMPSA



CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KESELURUHAN

Saranan strategik untuk pengurusan UMPSA bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan program pembangunan bakat di UMPSA.

BIL.	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	KETERANGAN
1.	Memperluas kolaborasi antarabangsa	- Menjalin lebih banyak kerjasama dengan universiti luar negara melalui MoU/LoA khusus untuk pembangunan bakat. - Menggalakkan pertukaran staf dan pelajar untuk meningkatkan pendedahan global serta memupuk jaringan penyelidikan dan komuniti
2.	Meningkatkan sokongan kewangan & infrastruktur	- Menyediakan dana khas bagi menyokong penyertaan staf dan pelajar dalam program pembangunan bakat di peringkat nasional dan antarabangsa. - Menyediakan kemudahan (contoh: makmal, ruang inovasi, digital platform) yang menyokong pembelajaran bersepadu dan kolaborasi rentas disiplin
3.	Membangunkan peta kompetensi (<i>competency map</i>) bagi setiap kategori staf dan akademik untuk mengenal pasti jurang kemahiran.	Membolehkan pembangunan bakat lebih terarah, tersusun dan disesuaikan dengan keperluan strategik UMPSA.
4.	Menggabungkan latihan dalaman, program mobiliti, <i>shadowing</i> dan <i>succession planning</i> di bawah satu sistem bersepadu.	Memastikan kesinambungan kepimpinan universiti serta melahirkan staf dengan nilai integriti, inovatif, dan berdaya saing.
5.	Membangunkan <i>Dashboard</i> Pemantauan Bakat UMPSA untuk menjejak penyertaan latihan, pencapaian kompetensi dan keberhasilan (ROI latihan).	Memastikan pelaburan dalam latihan memberikan impak nyata terhadap produktiviti, prestasi dan kepimpinan universiti.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KESELURUHAN

Saranan strategik untuk pengurusan UMPSA bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan program pembangunan bakat di UMPSA.

BIL.	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	KETERANGAN
6.	Pemantapan Ekosistem Pembangunan Pelajar berasaskan nilai (<i>values-based student development ecosystem</i>)	Mewujudkan satu ekosistem pembangunan pelajar yang bersepadu di bawah kerangka ADAB (Aspire. Dynamic. Agile. Balanced) bagi memastikan keseragaman nilai dan arah tuju dalam semua inisiatif pembangunan pelajar, kepimpinan dan kokurikulum di seluruh universiti.
